

SESUNGGUHNYA AL-QUR'AN ADALAH
KATA-KATA ALLAH

AL-QUR'AN
MUKJIZAT TERAGUNG

oleh
ahmed deedat

AL-QUR'AN

MUKJIZAT TERAGUNG

oleh
ahmed deedat

SESUNGGUHNYA AL-QUR'AN ADALAH
KATA-KATA ALLAH

RABBI ZIDNĪ 'ILMAN

ELIAS BIN ZAKARIA,
P. P. ILMU KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,
PULAU PINANG.


Tarikh: 16-8-85

RABBI. RIDHA MU
KEMUNCAK IMPIAN KU.

DITERJEMAH DARI BAHASA INGGERIS

OLEH

IDRIS HAJI ABDUL RAHMAN



KATA PENGANTAR

Saya bersyukur kehadiran Allah (s.w.a) bahawa telah dapat saya, dengan izinNya sempurnakan terjemahan sebuah buku dalam Bahasa Inggeris bertajuk "Al-Qur'an, The Ultimate Miracle" karangan Ahmed Deedat (semuga Allah sentiasa cucuri rahmat dan berkat kepadanya). Terjemahan kepada buku ini sekarang saya sampaikan kepada anda untuk kita bersama-sama memikirkan dan merenung akan mukjizat kejadian kita sendiri dan alam semesta serta matlamat penghidupan kita pada akhirnya dalam mencari cahaya kebenaran dalam kegelapan jiwa yang wujud kini.

Buku ini adalah kunci rahsia bagi mengetahui dengan sebenar-benar dan sesungguhnya bahawa Al-Qur'an, dengan tidak syak dan ragu-ragu lagi, adalah Kata-kata Tuhan Yang Maha Kuasa di mana menjadi salah satu daripada sendi iman bagi tiap-tiap kaum Muslimin.

Dengan anda membaca buku ini, marilah kita bersama-sama berdoa agar dapat kita menguat dan menambahkan lagi dengan penuh keyakinan iman kita kepada Allah (s.w.a) yang menjadikan kita, dan kepada mereka yang masih ragu-ragu, agar dengan buku ini dapat mereka memperolehi kebenaran dengan mengikiskan segala 'k'eraguan yang ada. Seterusnya, marilah kita menyakinkan jua sahabat handai kita dari semua kaum, keturunan dan kepercayaan atas kebenaran ini.

Saya sangat-sangat terhutang budi kepada Encik Ahmed Deedat yang telah membenarkan, dengan hati yang ikhlas, mana-mana pihak untuk bukunya ini diterjemahkan supaya perkara ini dapat dihayati sepanjang masa dan disebarkan kepada seluruh umat manusia. Ucapan setinggi-tinggi terimakasih saya sampaikan kepada semua pihak yang telah mendorong dan membantu saya dalam melaksana dan menyiapkan tugas ini.

Semuga usaha-usaha kami ini diperkenankan Allah Subhana-wataala.

Amin

IDRIS HAJI ABDUL RAHMAN

Kebenaran Terbuka

Kami membenarkan anda untuk mencetak semula risalah ini dan juga lain-lain risalah keluaran kami.

Anda diberi kebenaran untuk menerbitkannya bagi dijual atau diedar secara percuma tanpa kebenaran terlebih dahulu dari kami.

Kami tidak meminta apa-apa bayaran dan tiada hak apa jua terpelihara bagi risalah-risalah kami.

Demi Allah! Jika kami ada kemampuan, kami akan banjiri seluruh rantau ini dengan risalah-risalah kami yang kami sebarkan dengan percuma.

Berbahagialah sekiranya beberapa salinan percetakan semula disampaikan kepada kami untuk catitan jumlah dicetak semula.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1	LATARBELAKANG KEPADA PERMULAAN	1
BAB 2	BUKTI KEBENARAN WAHYU AL-QUR'AN DARI SUDUT ILMU SAINS	6
BAB 3	KESUCIAN AL-QUR'AN	11
BAB 4	PENGESAHAN DARI BIJAKPANDAI SASTRA	18
BAB 5	DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS	22
BAB 6	PEMBILANGAN DAN ARAD	27
BAB 7	TIDAK ADA PENGARANG MANUSIA	35
BAB 8	MUKJIZAT MATEMATIK	48
BAB 9	PENENTUAN DAN PENUNAIAN	59

AL-QUR'AN

MUKJIZAT TERAGUNG

BAB 1

LATARBELAKANG KEPADA PERMULAAN

Adalah menjadi tabiat manusia dari asal kejadian bahawa apabila Petunjuk dari Tuhan diturunkan untuk mengarah semula manusia ke jalan yang lurus, jalan yang di-redhai Tuhan Yang menjadikannya, daripada menerima Perutusan atas zahir dan kebenarannya, manusia telah mencabar meminta bukti dari orang-orang kesayangan Tuhan ini.

Sebagai contoh, apabila Isa mula berdakwah kepada kaumnya – “Bani Israil” supaya insaf dan mereka memperbaiki akhlak mereka serta menjauhi diri dari undang-undang keduniaan rasmi yang dicipta oleh manusia, dan supaya mereka memberi kepercayaan dan keyakinan penuh kepada Undang-undang dan Perintah-perintah Tuhan, “kaumnya” menuntut sesuatu Mukjizat darinya bagi *membuktikan kebenarannya*, sebagaimana tercatat dalam Kitab Injil St. Matthew, Bab 12, Ayat 38 & 39 – *“Sesudah itu, sebilangan penulis dan orang-orang munafik menjawab seraya berkata, Wahai tuan, kami perlukan tanda dari tuan. Tetapi beliau menjawab lalu berkata kepada mereka, Hanya keturunan yang jahat dan perosak yang meminta akan tanda-tanda: yang demikian tiada apa-apa tanda akan diberi kepada itu kecuali tanda-tanda Nabi Yunus.”* Walaupun pada zahirnya, beliau telah menolak permintaan mereka, kita harus mempelajari dari Kitab ini bahawa beliau selalu menunjukkan mukjizatnya.

Kitab Injil penuh dengan peristiwa-peristiwa mukjizat yang diberi kepada Nabi-nabi dari Tuhan mereka. Sebenarnya kesemua “*tanda-tanda*” dan “*perkara yang ajaib*” dan “*mukjizat*” adalah perbuatan Tuhan, tetapi oleh kerana ia dilakukan melalui wakilNya, kita mengatakannya sebagai Mukjizat Musa atau Isa dari tangan mereka kejadian-kejadian ini berlaku.

Muhammad (s.a.w.), Utusan Tuhan telah dilahirkan di Mekah dalam Negeri Arab kira-kira 600 tahun setelah Isa. Apabila beliau mengistiharkan perutusannya ketika berusia 40 tahun, kaumnya sama meminta mukjizat darinya serupa dengan kaum Isa kepada Isa, Al-Masih:

وَقَالُوا

DAN MEREKA BERKATA:

لَوْلَا أَنْزَلْنَا

“MENGAPA TIDAK DITURUNKAN

عَلَيْهِمْ آيَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ

KEPADANYA MUKJIZAT-MUKJIZAT
DARI TUHANNYA?”

(Al-Qur’an: Surah 29, Ayat 50)

Ini adalah cara yang lazim diminta oleh mereka. Dengan secara tepat mereka meminta beliau – Muhammad – ‘meletakkan tangga ke langit dan bawa ke bumi Kitab dari Tuhan di hadapan penglihatan mereka – “KEMUDIAN KAMI AKAN MEMPERCAYAI,” kata mereka. Atau ‘kamu lihat gunung di sana, jadikan dia emas’ – “KEMUDIAN KAMI AKAN MEMPERCAYAI.” Atau ‘jadikan anak-anak sungei mengalir di padang pasir’ – “KEMUDIAN KAMI AKAN MEMPERCAYAI.”

Dengarkanlah rayuan yang lunak dari Muhammad kepada tuntutan yang tidak menasabah ini – “Adakah aku berkata kepada kamu bahawa aku ini Malaikat? Adakah aku berkata kepada kamu bahawa di dalam tanganku letaknya khazanah Tuhan? Hanya apa yang diwahyukan kepadaku, ku patuhi.” Dengarkanlah lagi jawapan yang sangat mulia dan teragung beliau diperintah oleh Tuhannya untuk menyampaikan kepada kaum Kafir:

قُلْ إِنَّمَا الْآيَاتُ عِنْدَ اللَّهِ

KATAKANLAH: “SESUNGGUHNYA TANDA-TANDA
(MUKJIZAT) ADALAH TERTENTU BAGI TUHAN:

وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُبِينٌ

DAN AKU HANYALAH PEMBERI PERINGATAN
DAN AMARAN YANG JELAS NYATA.”

(Al-Qur’an: Surah 29, Ayat 50)

Di ayat yang berikut, Nabi diperintah untuk menunjukkan kepada Al-Qur’an sebagai jawapan kepada orang-orang Munafik yang telah meminta akan “Tanda-tanda” atau “Mukjizat-mukjizat” yang luar biasa yang akal jahil mereka kehendaki. Sila lihat Al-Qur’an:

أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ

TIDAKKAH CUKUP BAGI MEREKA

أَنَّا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ

BAHAWA KAMI TELAH TURUNKAN KEPADA ENKKAU (WAHAI MUHAMMAD)
KITAB INI (AL-QUR’AN)

يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ

YANG DIBACAKAN KEPADA MEREKA?

إِنَّ فِي ذَلِكَ

SESUNGGUHNYA, DI DALAMNYA

لِرَحْمَةٍ تَرَدُّكَ

RAHMAT DAN PERINGATAN

○ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

BAGI MEREKA YANG PERCAYA.

(Al-Qur'an: Surah 29, Ayat 51)

Sebagai bukti bahawa Al-Qur'an datangnya dan dicipta oleh Tuhan dan mengandungi mukjizat, dua persoalan diujjahkan di sini:

1. 'BAHAWA KAMI (TUHAN YANG MAHA KUASA) TELAH TURUNKAN KEPADA ENKKAU KITAB INI.' "Engkau" yang tiada mempunyai pelajaran apapun. Seorang Nabi yang "ummi". Seorang yang tidak tahu membaca atau menulis. Seorang yang tidak tahu menandatangani namanya sendiri. Benarkanlah Thomas Carlyle membuat pengakuan mengenai kedudukan pelajaran Muhammad – *"Salah satu perkara yang kita perlu ingat: bahawa beliau tidak ada pelajaran persekolahan; yang kita sebut pelajaran persekolahan tiada sama sekali."*

Perhatikan Pencipta Al-Qur'an (Tuhan Yang Maha Kuasa) membuat pengakuan mengesahkan kebenaran dakwaan bahawa tiada kemungkinan bagi Muhammad untuk mencipta Al-Qur'an, bahawa beliau tidak mungkin boleh mengarang kitab itu:

وَمَا كُنْتَ تَتْلُو

DAN ENKKAU (WAHAI MUHAMMAD) TIDAK PERNAH (TAHU) MEMBACA SESEBUAH KITAB PUN

مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ

SEBELUM TURUNNYA KITAB INI,

وَلَا تَخُطُّهُ بِيَمِينِكَ

DAN TIDAK PULA (TAHU) MENULISNYA DENGAN TANGAN KANANMU:

○ إِذَا أَلَّزَمْتَابَ الْمُبْتَلُونَ

OLEH YANG DEMIKIAN, SESUNGGUHNYA, TENTULAH ADA ALASAN BAGI ORANG-ORANG KAFIR MERASA RAGU-RAGU.

(Al-Qur'an: Surah 29, Ayat 48)

Sekiranya Muhammad mempunyai pelajaran; sekiranya beliau boleh membaca atau menulis; tentu sekali ini akan menjadi alasan bagi penentang-penentangannya untuk meragu-ragukan akan tuntutan beliau bahawa Al-Qur'an

itu adalah Kata-kata Tuhan. Sekiranya beliau mempunyai pelajaran, sindiran musuh beliau bahawa ada kemungkinan beliau meniru Kitabnya (Al-Qur'an) dari orang-orang Yahudi dan Nasrani, atau boleh jadi beliau telah mempelajari karya-karya Aristotle dan Plato dan tentu sekali beliau telah mengambil dari "Taurat", "Zabur" dan "Injil" dan telah menyusun semula kesemuanya ini kepada bahasa yang begitu indah, mungkin kata-kata mereka akan menjadi benar. Sekiranya begitu "ORANG-ORANG KAFIR" – *Mungkin ada bahan yang boleh diutarakan*. Walaupun demikian, persoalan yang begitu kecil yang ditonjolkan oleh orang-orang yang tidak mempercayainya atau sinis adalah perkara yang tidak sama sekali dapat diterima.

2. 'Kitab ini?' Ia, "KITAB" ini dengan sendirinya membawa pengertian bahawa ianya adalah dari Tuhan. Selidikilah ia dari segala sudut. Telitilah ia secara mendalam. Pengarangnya (Tuhan) mencabar orang-orang yang meragu-ragukannya:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ

TIDAKKAH MEREKA MEMIKIRKAN AL-QUR'AN
(DENGAN BAIK)?

وَلَوْ كَانُ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ

KALAU LAH IA DARI SELAIN DARI TUHAN

لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

TENTULAH MEREKA MENDAPATI DI DALAM-
NYA PERCANGGAHAN YANG BANYAK.

(Al-Qur'an: Surat 4, Ayat 82)

Tiada pengarang manusia yang boleh tidak bercangguh dalam menyampaikan ajarannya dalam tempuh dua puluh tiga tahun. Sepanjang masa yang bergelumbang menempuh segala cabaran hidup, seseorang manusia tidak boleh tidak dalam masa itu akan mengambil sikap tolak ansur dan bercangguh dengan pendiriannya sendiri. Tiada manusia yang sama pendiriannya sentiasa dalam ajarannya seperti terkandung dalam Al-Qur'an: TIDAK BERCANGGAH DENGAN DIRINYA *keseluruhannya*. Atau adakah bantahan orang-orang yang tidak percaya itu sekadar untuk membangkitkan pertengkaran yang menunjukkan kejahilan mereka?

Berkali-kali mukjizat diminta dari Muhammad Utusan Tuhan, beliau diarah untuk menunjukkan kepada Al-Qur'an – Perutusan dari Yang Maha Tinggi – sebagai "Mukjizat". MUKJIZAT DI ATAS MUKJIZAT! Dan orang-orang yang berilmu, orang-orang yang mempunyai ilmu bahasa dan kerohanian yang tinggi yang mempunyai sifat amanah kepada diri mereka sendiri, telah memahami dan menerima Al-Qur'an sebagai Mukjizat yang benar. Diterangkan di dalam Al-Qur'an:

بَلْ هُوَ آيَةٌ بَيِّنَةٌ

TIDAK, INI ADALAH KETERANGAN
YANG JELAS NYATA DENGAN SENDIRINYA

فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ

YANG TERPELIHARA DI DALAM HATI ORANG-
ORANG YANG DIPERKENANKAN BERILMU:

وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

DAN TIDAKLAH MELAINKAN ORANG-ORANG
YANG ZALIM YANG MENGINGKARI KETERANGAN-
KETERANGAN KAMI.

(Al-Qur'an: Surah 29, Ayat 49)

BAB 2

BAKTI KEBENARAN WAHYU AL-QUR'AN DARI SUDUT ILMU SAINS

Kini, ada lebih kurang sembilan ratus juta kaum Muslimin di dunia ini yang menerima dengan yakin bahawa Al-Qur'an itu adalah "Kata-kata Tuhan" dan bahawasanya kitab ini adalah satu "Mukjizat". Mengapa tidak, sedangkan penentang-penentang Islam menghormati Mukjizat Kitab Tuhan ini. Padri R. Bosworth-Smith, di dalam karangannya "Muhammad dan Ugamanya" berpendapat tentang Al-Qur'an bahawa ianya adalah "SUATU MUKJIZAT YANG SUCI DARI SEGI GAYA, KEBIJAKSANAAN DAN KEBENARAN." Seorang Inggeris yang lain – A.J. Abbery dalam kata pengantarnya kepada terjemahan Al-Qur'an yang disusun olehnya menyatakan bahawa "APABILA AKU MENDENGAR BACAAN AL-QUR'AN, SEOLAH-OLAH AKU MENDENGAR SATU LAGU, DI BAWAH ALIRAN IRAMANYA TERDAPAT RENTAK GENDANG SEPANJANG MASA, BAHAWA RENTAK INI ADALAH SERENTAK DENGAN RENTAK NADI HATIKU." Dari perkataan-perkataan ini dan lainnya di dalam kata pengantarnya itu seolah-olah ianya seorang Muslim, tetapi ia mati seorang Kristian.

Dan juga seorang British, Marmaduke Pickthall di dalam kata pengantarnya kepada terjemahan Al-Qur'an yang ditulis olehnya mengibaratkannya sebagai "SATU SIMPHONI YANG TIDAK DAPAT DITIRU BUNYINYA MENJADIKAN AIRMATA BERCU-CURAN DALAM KEGHAIRAHAN." Orang ini memeluk Ugama Islam sebelum ia menterjemah Al-Qur'an, dan kita tidak mengetahui samada ia mengalami perasaan yang dinyatakan itu sebelum atau sesudah ia memeluk Ugama Islam. Walaupun beigit, samada penyokong mahupun penentang Islam, tanpa bersungut-sungut, masih menghormati

Wahyu Terakhir dari Tuhan iaitu Kitab Al-Qur'an ini. Orang-orang yang hidup sezaman dengan Muhammad telah melihat di dalam Keindahan dan Keagungannya, Kemuliaan Panggilannya serta Kemurahan Perutusannya, Tanda dan Mukjizat Tuhan Yang Menciptanya, dan mereka menerima Islam. Kepada kesemua sanjungan dan pengakuan, orang-orang yang tidak percaya dan orang-orang yang meragukannya akan berkata bahawa kesemua ini adalah perasaan persendirian sahaja dan selain dari ini mereka akan berlindung di balik tabir bahawa mereka tidak mengetahui Bahasa Arab. "Aku tidak melihat apa yang kamu lihat, dan aku tidak merasa apa yang kamu rasai. Bagaimanakah aku hendak mengetahui bahawa Tuhan itu ada dan Dialah yang mewahyukan Muhammad UtusanNya dengan Perutusan yang sebegitu indah: Al-Qur'an?" Ia menyambung, "Aku tidak menentang keindahan filsafahnya dan akhlaknya yang mulia. Aku percaya bahawa Muhammad itu adalah seorang manusia yang jujur dan ia menegakkan berbagai-bagai ajaran yang indah untuk manusia sejagat. Apa yang aku tidak terima adalah apa yang kamu kaum Muslimin mendakwakan '*kuasa ghaib atas ajaran-ajarannya*'.

Atas pendirian akal yang demikian, Pencipta Kitab ini (Al-Qur'an) menggunakan bermacam-macam hujah untuk menyelesaikan kemuskilan orang-orang seumpama ini. Kepada mereka yang tidak mempercayai, yang engkar, yang Munafik dan yang menaruh keraguan, dan yang mereka ini mempunyai ilmu pengetahuan sains yang melimpah dan yang menganggap diri mereka sebagai orang-orang "intelektual raksasa", bahawasanya mereka yang sebenar adalah seperti orang-orang "kerdil" yang terkagum. Seperti seorang kerdil yang memperolehi kemajuan yang luarbiasa dalam satu-satu bidang dengan terbantutnya pula dalam bidang-bidang lain seperti kepala yang sangat besar terletak di atas anggota yang kecil, Pencipta Maha Agung menyoal mereka

Tetapi sebelum kita mengemukakan soalan Tuhan kepada mereka, suka saya memuaskannya sendiri. "Kamu, orang-orang ahli sains yang telah mempelajari ilmu falak dan yang mempelajari bintang-bintang melalui teropong-teropong yang besar seperti menyelidiki sesuatu di telapak tangan kamu; katakanlah kepada ku bagaimana wujudnya sekelian alam dan bintang-bintang ini?" Orang yang mempunyai ilmu sains ini, walaupun ketinggalan dalam pengertian kerohanian, masih sangat bermurah hati dalam menyebarkan ilmu pengetahuannya. Ia menjawab "Baiklah," ia bermula, "Berjuta-juta tahun dahulu, alam semesta kita adalah sebetuk benda yang amat besar, dan terjadilah 'letupan besar' di tengah-tengah benda ini dan sebesar-besar serpihan bertaburan di merata tempat. Dari '*letupan besar*' ini sistem matahari dan cekerawala terwujud, dan oleh kerana tiada apa yang menentangnya di angkasa terhadap gerakan yang berpunca dari letupan asal tadi, bintang-bintang dan planet-planet berterbangan mengikut orbitnya. Alam semesta kita sentiasa 'berkembang'. Badan-badan cekerawala semakin jauh dari kita dengan cepat dan secepat-cepatnya, dan apabila mereka bergerak melebihi kelajuan cahaya, kita tidak akan melihatnya lagi. Kita perlu membuat teropong yang lebih besar dan lebih baik secepat mungkin untuk mempelajari kejadian ini, dan sekiranya tidak, kita akan ketinggalan."

"Bilakah kamu tahu akan cerita dongeng ini?" Kita tanya. "Tidak, ini bukan cerita dongeng tetapi kenyataan sains!" Ia menjawab. "Baiklah, saya terima kenyataan kamu itu atas apa yang kamu sebutkan, tetapi bilakah kamu tahu akan kenyataan ini?" "Hanya kelmarin!" Ia menjawab. Lima puluh tahun adalah "kelmarin" di dalam sejarah manusia.

“Seorang Arab di padang pasir dan tanpa pelajaran, lebih dari 1400 tahun dahulu tidak mungkin mengetahui pengetahuan kamu mengenai ‘letupan besar’ ini serta ‘alam semesta yang sentiasa berkembang,’ tidak?” kita tanya. “Tidak, tidak mungkin!” Ia menjawab dengan angkoh. “Baiklah, walaupun demikian, dengarlah apa yang ia perkatakan di bawah wahyu dari Tuhan:

أَوَلَمْ يَدْرِ الَّذِينَ كَفَرُوا

TIDAKKAH ORANG-ORANG KAFIR ITU MEMPERHATIKAN

أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

BAHAWA SESUNGGUHNYA LANGIT DAN BUMI ITU

كَانَتَا رَتْقًا

TELAH BERCANTUM

فَفَتَقْنَاهُمَا

SEBELUM KAMI MEMECAHKAN BERTABUR DI ANTARA KEDUA-DUANYA?

(Al-Qur'an: Surah 21, Ayat 30)

dan

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ

DAN DIALAH (TUHAN YANG MAHA KUASA) YANG TELAH MENJADIKAN

الْبَيْلَ وَالنَّهَارَ

MALAM DAN SIANG,

وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ

SERTA MATAHARI DAN BULAN:

كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ○

KESEMUANYA (MATAHARI, BULAN, BINTANG-BINTANG DAN LAIN-LAIN BADAN CEKERAWALA) BEREDAR BERENANG, TIAP-TIAP SATU MENGIKUT EDARAN BULATANNYA.

(Al-Qur'an: Surah 21, Ayat 33)

“Tidakkah kamu perhatikan bahawa ayat-ayat ini ditujukan khusus kepada KAMU, ahli-ahli sains, ahli-ahli ilmu alam, ilmu falak, bahawa setelah memperolehi serta menyebarkan rahsia yang kagum ini, manusia masih sangat ‘BUTA’ oleh kerana tidak

'MILIHAT' Penciptanya?" "Dengan adanya Ilmu Sains dan Encyclopaedia dan di dalam makmal-makmal siasah kita, kita masih terdorong melupakan KETUHANAN yang wujud ..." Kata Thomas Carlyle. "Dimana atas bumi ini boleh seorang penunggang unta di padang pasir mengetahui 'kenyataan kamu' Empat Belas Tahun yang lampau, jika tidak dari Pencipta 'LETUPAN BESAR' Sendiri?"

"Dan KAMU, ahli ilmu kajihayat yang kononnya telah meletak jari-jari kamu atas semua bentuk penghidupan, tetapi Kamu dengan perasaan megah masih menolak wujudnya Punca Penghidupan ini, iaitu Tuhan: Sila beritahu kami mengikut kajian yang kamu hebuhkan, dari manakah berpuncanya kehidupan?" Seperti ahli falak teman dalam ilmu sainsnya yang 'tidak percaya', iapun bermula – "Emm ... berjuta-juta tahun dahulu, sejenis benda asli di laut mula mengeluarkan protoplasma di mana darinya datanglah amoeba; dan dari paya lautan ini muncullah kesemua benda-benda yang hidup. Dengan lain perkataan SEMUA PENGHIDUPAN berasal dari laut iaitu AIR!"

"Dan bilakah kamu mengetahui dengan nyatanya bahawa semua yang hidup berasal dari air?" Jawabannya adalah serupa juga dengan rakannya ahli falak, "Kelmarin." "Tidak ada kemungkinan orang berpelajaran, ahli falsafah atau ahli syair untuk meneka kenyataan yang diperolehi oleh kamu empat belas ratus tahun yang lampau, bukan?" Ahli kajihayat kita menegaskan serupa juga dengan ahli falak kita. "Tidak, tidak mungkin!" katanya. "Baiklah, dengarlah sahaja kata-kata anak pertiwi padang pasir yang ummi ini":

DAN KAMI JADIKAN DARI AIR

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ

TIAP-TIAP BENDA YANG HIDUP

كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

ADAKAH MEREKA (YANG TIDAK MEMPERCAYAI) DENGAN INI TIDAK AKAN MEMPERCAYAI?

أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ○

(Al-Qur'an: Surah 21, Ayat 30)

Tidaklah sukar bagi kamu untuk menerima kata-kata Tuhan Yang Maha Agung, Pencipta Sekelian Alam Yang menunjukkan kata-kata ini kepada KAMU, orang-orang berilmu pengetahuan dalam menjawab akan keraguan kamu KINI, asal kata-kata ini dengan nyata adalah di luar pemikiran penduduk-penduduk padang pasir empat belas ratus tahun yang lampau. Pengarang ini sebenarnya berhujah dengan KAMU, kamu ahli-ahli ilmu sains; Bagaimana KAMU tidak percaya akan Tuhan? Sepatutnya kamulah Yang Akhir yang menolak akan adanya IA tetapi kamu adalah Yang Pertama! Apakah penyakit yang telah hinggap kepada KAMU?

D-A-N kepada ahli tumbuh-tumbuhan, dan ahli ilmu haiwan dan ahli fisik yang, walaupun telah mendalami dengan kagumnya atas tabiat alam semulajadi, masih menolak untuk menerima adanya Pencipta Yang Maha Esa. Benarkan mereka menimbangkan kata-kata Muhammad Utusan Tuhan di mana Tuhan telah berkata-kata melalui beliau:

MAHA SUCI IA (TUHAN YANG MAHA KUASA)

سُبْحَانَ الَّذِي

YANG TELAH MENCIPTA BERPASANGAN SEGALA
MAKHLUK

خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا

DARI APA YANG BUMI MENGELUARKAN
(ALAM TUMBUH-TUMBUHAN),

وَمَا تُنْبِتُ الْأَرْضُ

SERTA SEJENIS DENGAN MEREKA (ALAM MAKNUSIA DAN
ALAM HAIWAN)

وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ

DAN APA-APA YANG MEREKA TIDAK MENGETAHUI
(SEPERTI ILMU FISIK).

○ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ

(Al-Qur'an: Surah 36, Ayat 36)

Ayat-ayat dari Kitab Tuhan ini adalah nyata dengan sendirinya. Pelajar-pelajar Al-Qur'an melihat dengan penuh yakin 'Tangan Tuhan' atas tiap-tiap perkara baru yang dijumpai oleh manusia. Ini adalah "Tanda-tanda", "Mukjizat" dari Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Pemelihara untuk mengikis keraguan dan menguatkan iman mereka:

SESUNGGUH DI DALAMNYA

إِنَّ فِي ذَلِكَ

TANDA-TANDA BAGI ORANG-ORANG YANG
BERILMU.

○ لَايَتَّبِعُ لِلْعَالِمِينَ

(Al-Qur'an: Surah 30, Ayat 22)

Dan alangkah sedihnya! Bahawa 'orang-orang yang berilmu' inilah yang dengan sengaja menolak dan memerontak sama sekali! Ilmu duniawi mereka yang luas telah membuat mereka angkuh dan megah akan diri mereka sendiri. Mereka kekurangan sifat kerendahan diri yang mengiringi kesemua ilmu pengetahuan yang benar.

BAB 3

KESUCIAN AL-QUR'AN

Apa yang telah dinyatakan adalah Mukjizat bagi orang-orang yang lampau dari Kitab Allah – Al-Qur'an. Tetapi apa pula buat masa kini? Dalam *Zaman komputer elektronik*" ini, dengan menggunakan komputer, kami telah, dengan tidak sengaja menyelami dan memperolehi perkara yang baru mengenai Al-Qur'an yang menjadikan Kitab Tuhan ini "*Mukjizat Teragung Dari Segala Yang Tercipta*" Istilah yang mudah bagi Mukjizat adalah: SATU PERBUATAN DI LUAR KUASA MANUSIA. Apa cara boleh kita buktikan dengan memuasnya tiap-tiap orang yang tidak percaya dan orang-orang yang engkar; tiap-tiap orang Kristian dan Komunis bahawa Al-Qur'an itu adalah sebenarnya Kata-kata Tuhan dan bahawa ianya adalah Mukjizat dari segala Mukjizat? Kita perlu menyakinkan mereka melalui ilmu sains yang tepat iaitu melalui matematik, oleh kerana matematik itu tepat dan tidak berbelah bagi dan tarikan dan bahasanya adalah universal.

Untuk melihat, merasa, menyentuh serta menguji Mukjizat Al-Qur'an ini, seorang Amerika atau China, atau Rusia atau Afrika atau Asia tidak perlu memahami bahasa Al-Qur'an – BAHASA ARAB. Kelayakannya adalah – mata untuk melihat dan kebolehan untuk mengira sekurang-kurangnya sehingga 19 (10+9).

Untuk menilai dengan sepenuhnya Mukjizat terakhir ini, kita perlu bermula dari mulanya Wahyu Al-Qur'an ini diturunkan. Kita tahu bahawa Al-Qur'an, sepertimana yang ada sekarang adalah tersusun mengikut apa yang dikatakan susunan bilangan '*asli*' yang diarahkan oleh Nabi (s.a.w) sebelum beliau wafat. Tetapi Al-Qur'an tidak diwahyukan

mengikuti susunan sedemikian. Susunan menurut "waktu" ianya diturun adalah berlainan. Kesemua kandungan Al-Qur'an telah diwahyukan kepada Muhammad sedikit demi sedikit mengikuti keperluan semasa beliau; seumpama "gazett", "berita semasa" atau "berita ringkas".

Kita ingatkan kembali peristiwa PANGGILAN PERTAMA beliau. Beliau berada di dalam sebuah gua kira-kira tiga batu di utara Bandar Mekah. Tanggalnya: 27, bulan Ramadan. Beliau berusia 40 tahun. Beliau memasuki gua itu pada lazimnya kadangkadangkang seorang, kerap dengan isterinya *Ummul Mukminin Khadijatul Kubra (r.a)* untuk mencari kesunyian, ketenangan dan untuk renungan. Buat kali ini beliau berseorangan. Beliau melihat dengan samaran di mana Malaikat Mukarabin Jibril mengarah beliau dalam bahasa ibundanya "Iqrak!" Atas panggilan Jibril pada kali pertamanya, beliau diberi 5 ayat pertama dari *Surah Al-Alak* yang sekarang ini adalah Surah 96 dalam Al-Qur'an (Sila lihat Rajah 1, Muka 12). Tuhan telah memilih beliau menjadi perantaraan kata-katanya. Tetapi bagi Muhammad ini bukanlah istiadat menerima ijazah. Beliau tidak bersedia untuk menerima tugas ini. Beliau segera pulang ke rumah kepada isterinya yang dicintai untuk mendapat kepastian dan sokongan. Beliau merasa bingung tanpa panduan.

PANGGILAN MUHAMMAD YANG PERTAMA

Surah 96

'Iqrak' (Bacalah atau Sebutlah Atau 'Al-Alaq' (Darah Beku)

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

1. BACALAH! DENGAN NAMA TUHAN-MU YANG MENCIPTAKAN –

2. MENCIPTAKAN MANUSIA (HANYA) DARI SEKETUL DARAH BEKU:

3. BACALAH! DAN TUHANMU ADALAH YANG MAHA PEMURAH, –

4. DIALAH YANG MENGAJAR (DENGAN MENGGUNAKAN) PENA, –

5. MENGAJARKAN MANUSIA APA YANG TIDAK DIKETAHUI NYA.

سوره ٩٦
سُورَةُ الْعَلَقِ مَكِّيَّةٌ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١- اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ
الَّذِي خَلَقَ ۞

٢- خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ

٣- اِقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۞

٤- الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۞

٥- عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۞

INI ADALAH LIMA AYAT PERTAMA DARI SURAH AL-ALAQ YANG SEKARANG LETAKNYA DI BAB KE 96, AL-QURAN YANG DIWAHYUKAN KEPADA NABI (s.a.w) OLEH MALAIKAT MUKARABIN JIBRIL PADA PANGGILAN BELIAU YANG PERTAMA.

Rajah 1

Setelah Sentakan yang pertama hilang, beliau merenung kembali Perutusan dalam akalnya. Rasa dan azam untuk menerima lebih banyak lagi muncul. Penantian yang lama wujud di mana dalam masa itu beliau mula bercakap mengenai Tuhan dan penghidupan yang lebih tinggi dan mulia. Tuduhan-tuduhan mula tersebar. Kaum-kaum Kafir mula menyindir bahawa Muhammad telah “gila atau dirasuk”. Dalam menjawab tuduhan ini – pada panggilan Jibril kali kedua – Beliau diberi beberapa ayat lagi, sekarang terletak di Surah 68, Al-Qur’an, dikenali sebagai *Surah Al-Qalam* (Sila lihat Rajah 2, Muka 14). Hingga ke peringkat ini, suka saya ambil perhatian pembaca kepada ayat-ayat dalam wahyu ini:

ENGKAU BUKANLAH

مَا أَنْتَ

بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ

DENGAN SEBAB NIKMAT PEMBERIAN TUHANMU, GILA ATAU DIRASUK.

(Al-Qur’an: Surah 68, Ayat 2)

Dalam ayat ini, Tuhan Yang Maha Kuasa telah menolak tuduhan orang-orang Musyrik. Muhammad adalah seorang yang berakal waras, sangat sejahtera dan bijaksana dalam gulungan manusia, tetapi adalah menjadi tabiat manusia untuk mengelar “Kebenaran” “Kepalsuan” dan “Kebijaksanaan” “Kegilaan.” Nabi besar sebelumnya, Nabi Isa, tidak terkecuali dari bencana yang serupa yang diterima dari musuh-musuhnya. Kita dapati perkara berikut tercatat dalam Kitab orang-orang Kristian “*Dan ramai mengatakan bahawa ia mempunyai syaitan di dalamnya, dan bahawa ia itu gila; mengapa dengar kata-katanya?*” (John 10:20). Sahabat-sahabatnya yang rapatpun pernah juga memikirkan bahawa Isa (a.s) telah kehilangan akal yang sejahtera – “*Dan apabila sahabat-sahabatnya mendengar akan itu, mereka pergi untuk memegangnya: oleh kerana mereka berkata ia tidak ingatkan dirinya lagi. Dan penulis-penulis yang datang dari Jerusalem berkata, ia telah dirasuk Iblis dan dengan Iblis ia telah mengusir Syaitan-syaitan keluar.*” (Mark 3: 21–22). Walaupun begitu, dan setelah melakukan berbagai-bagai Mukjizat, kita diberitahu – “*Kaum dan sahabatnya tidak mempercayainya.*” (John 7:5). Beruntung kerana Muhammad tidak sedemikian. Yang pertama mempercayai beliau sepanjang hayat mereka adalah mereka yang rapat dan dikasehi oleh beliau dan mereka mengetahui sebenarnya akan beliau.

Kita semua mengetahui bahawa Wahyu Kedua adalah jawapan dari satu TUDUHAN. Setelah itu, Jibril turun lagi buat kali ketiga di mana Muhammad diberi ayat-ayat awal dari *Surah Muzzammil* yang mana sekarang terdapat di Surah 73, Al-Qur’an. (Sila lihat Rajah 3, Muka 15). Di sini saya hanya menarik perhatian anda kepada ayat kelima di mana Tuhan berkata:

WAHYU KEDUA

PERHATIKAN AYAT KEDUA ADALAH JAWAPAN DARI TUDUHAN

Surah 68

Al-Qalam (Pena)

Dengan nama Tuhan Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Mengasihani

سُورَةُ ٢٨
سُورَةُ الْقَلَمِ مَكِّيَّةٌ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. NUN: DEMI PENA DAN APA
YANG (MANUSIA) TULIS, –

١- ن وَالْقَلَمِ
وَمَا يَسْطُرُونَ ۝

2. ENKAU BUKANLAH, DENGAN SEBAB
NIKMAT PEMBERIAN TUHANMU,
GILA ATAU DIRASUK.

٢- مَا أَنْتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ
بِجَنُونٍ ۝

3. TIDAK, SESUNGGUHNYA UNTUKMU
ADALAH PAHALA YANG AMAT
BESAR DAN TIDAK TERPUTUS-
PUTUS:

٣- وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ۝

4. DAN SESUNGGUHNYA ENKAU
(BERDIRI) DI ATAS KEDUDUKAN
AKHLAK YANG SANGAT MULIA.

٤- وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۝

Al-Qur'an: Surah 68, Ayat 1–4

Rajah 2

PANGGILAN JIBRIL YANG
KE TIGA

Surah 73

Al-Muzzammil (Yang Berselimut
Dengan Pakaian)

Dengan nama Tuhan Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Mengasihani

سُورَةُ ٧٣

سُورَةُ الْمُزَّمِّلِ مَكِّيَّةٌ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. WAHAI ENKAU YANG BER-
SELIMUT DENGAN PAKAIAN!

١- يَا أَيُّهَا الْمَزْمُولُ ۝

2. BERDIRILAH (UNTUK SEMBAH-
YANG) PADA WAKTU MALAM, –

٢- قُمْ اللَّيْلُ إِلَّا قَلِيلًا ۝

3. SEPARUH DARINYA, –
ATAU SEDIKIT DARI SEPARUH
ITU,

٣- نِصْفَهُ أَوْ انْقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ۝

4. ATAU SEDIKIT LEBIH DARI ITU;
DAN BACALAH AL-QUR'AN
DENGAN PERLAHAN-LAHAN,
MENGIKUT BACAAN YANG
TERANG JELAS LAGI MENGIKUT
RENTAK

٤- أَوْ زِدْ عَلَيْهِ
وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ۝

5. SESUNGGUHNYA KAMI AKAN
MENURUNKAN KEPADAMU WAHYU
YANG BERAT-BERAT.

٥- إِنَّا سَنُلْقِيْ عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيْلًا ۝

Rajah 3

۵- إِنَّا سَنُلْقِيْ عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيْلًا

SESUNGGUHNYA KAMI AKAN MENURUNKAN KEPADAMU WAHYU YANG BERAT-BERAT.

(Al-Qur'an: Surah 73, Ayat 5)

Kepada Muhammad, seorang hamba Tuhan, segala yang diterima olehnya adalah baik, indah, penting dan berat. Tetapi Pencipta Wahyu ada sesuatu yang luarbiasa untuk UtusanNya.

Pada panggilan keempat, *Jibril (a.s)* telah memberi Nabi kita lebih dari separuh *Surah Muddaththir*, Surah ke 74, Al-Qur'an dari Ayat 1 hingga 30 (Sila lihat Rajah 4, Muka 17) yang tamat pada Ayat tigapuluh:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرًا

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

Setakat ini, Muhammad telah diberi Surah yang mengandungi ayat-ayat yang paling terbanyak sekali. Ia telah dipersediakan dari menerima lima ayat dari Wahyu Pertama, sekarang sehingga tigapuluh. Sekiranya Wahyu disambung dengan 26 ayat lagi di dalam Surah ini, Surah ini akan menjadi lengkap. Tetapi Jibril berhenti setakat Ayat 30, Surah 74.

Surah 74

Al-Muddaththir (Yang Menyelubung)

Dengan Nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

سورة ٧٤
سورة المذثر
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

1. WAHAI ENKAU YANG MENYELUBUNG (DENGAN JUBAH)!

١- يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ

2. BANGUNLAH DAN BERILAH AMARAN!

٢- قُمْ فَأَنْذِرْ

3. DAN TUHANMU HENDAKLAH ENKAU AGUNGKAN!

٣- وَرَبِّكَ كَبِّرْ

4. DAN PAKAINMU HENDAKLAH ENKAU JAGA DARI LUMURAN!

٤- وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ

5. DAN SEGALA KEJAHATAN DIJAUHI!

٥- وَالرَّجْزَ فَاهْجُرْ

6. DAN JANGANLAH MENGHARAP LEBIH (UNTUKMU) DARI APA YANG DIBERI!

٦- وَلَا تَمُنْ بِتَسْكَرٍ

7. TETAPI BAGI (MENJALANKAN PERINTAH) TUHANMU, SABARLAH!

٧- وَرَبِّكَ فَاصْبِرْ

Sambung sehingga ayat 30

30. DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS.

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرٍ

BAB 4

PENGESAHAN DARI BIJAKPANDAI SASTRA

Penelitian sepintas lalu ke atas Ayat tigapuluh (Sila lihat Rajah 5, Muka 19) akan menunjukkan bahawa Ayat tiga-puluh ini adalah dalam bentuk jawapan; ia adalah juga jawapan tetapi kepada TUDUHAN lain. Pada mula-mulanya, kaum Musyrik menuduh Muhammad "gila". Sekarang, orang-orang, sedikit demi sedikit dengan ikhlasnya, menyahut seruan beliau. Sebahagian dari saudara mereka sendiri mula menerima Ajaran Muhammad dan di antara mereka adalah orang-orang kenamaan dalam masyarakat. Orang-orang Musyrik pun menggantikan tuduhan "*gila*" terhadap beliau kepada "*AHLI SIHIR*". Mereka menuduh bahawa Muhammad, dengan menyebut ayat-ayat Al-Qur'an yang begitu indah, telah mensihirkan manusia.

Sebelum menerima tuduhan baru ini, izinkan saya memetik pendapat Thomas Carlyle pada kata-katanya tadi dalam mempertahankan Muhammad, menangkis tuduhan orang-orang Kafir itu dengan indahnyanya: "PENIPU DAN TUKANG SILAP MATA? TIDAK, SEKALI-KALI TIDAK! JIWA YANG AGUNG DAN MERUAP INI, YANG MENGETAHUI, MENDIDIH SEPERTI FIKIRAN MERUAP DARI AIR YANG MENGELEGAK, BUKANLAH DARI MULUT PENSILAP MATA". Orang-orang Musyrik Mekah yang berkepercayaan karut, yang tidak dapat memahami pimpinan Ilahi, telah mencari penerangan atas kesan nikmat penghidupan laki-laki dan perempuan yang telah hidup seperti haiwan, dengan menamakan pengaruh itu "*silap mata*" atau "*sihir*". Mereka adalah hasil dari asal kejadian dalam suasana zaman mereka.

Apabila mempelajari kandungan Ayat-ayat 24 dan 25 (Sila lihat Rajah 5, Muka 19), kita mendapati bahawa kita telah berjaya dalam menyangkal tuduhan orang-orang Kafir terkandung dalam Ayat 24 iaitu “INI TIDAK LAIN HANYALAH SIHIR ...”. Tetapi tuduhan Ayat 25, Surah 74 adalah amat berat, dan penyakit orang-orang Kafir pada masa Muhammad hinggalah sekarang masih wujud dalam pemikiran orang-orang bukan Islam walaupun mereka jujur dalam pandangan mereka terhadap Islam. Thomas Carlyle jua tidak terlepas dari perasaan ini. Penyakit atau kesesatan yang berpanjangan ini adalah dari tuduhan bahawa Muhammadlah yang mengarang Al-Qur’an. Muhammad mendakwa bahawa ayat-ayat Al-Qur’an diberi kepadanya melalui wahyu tetapi musuh-musuhnya berkata:

إِنْ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ۗ

“INI TIDAK LAIN HANYALAH KATA-KATA MANUSIA!”

(Al-Qur’an: Surah 74, Ayat 25 Sila lihat Rajah 5)

24. SERTA IA BERKATA:

“INI TIDAK LAIN HANYALAH SIHIR YANG DIPEROLEHI DARI ZAMAN-ZAMAN DAHULU:

۲۴. فَقَالَ

إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْتَرُ

25. “INI TIDAK LAIN HANYALAH KATA-KATA MANUSIA!”

۲۵. إِنْ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ۗ

26. SESUNGGUHNYA AKU AKAN MASUKKAN DIA KE DALAM API NERAKA!

۲۶. سَأُصَلِّيهِ سَقَرَ ۗ

27. DAN APA JALANNYA ENKAU DAPAT MENGETAHUI APA API NERAKA ITU?

۲۷. وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرُ ۗ

28. TIADA YANG DIBENAR MENAHAN PEN-DERITAANNYA, DAN TIADA YANG DI-KELUARKAN TERLEPAS DARINYA! –

۲۸. لَا تُبْقِي وَلَا تَذَرُ

29. TERUS-MENERUS MEMBAKAR DAN MENGUBAH WARNA KULIT MANUSIA!

۲۹. كَوَاحٍ لِّلْبَشَرِ ۗ

30. DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS.

۳۰. عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ۗ

AL-MUDDATHHIR – Surah 74 Ayat 24–30

Rajah 5

Andai kata, orang Kafir menyatakan bahawa Muhammadlah yang mengarang Al-Qur'an. Beliaulah yang mengeluarkan kata-kata sebagai Perkataan Tuhan: bahawa beliau telah mencipta Kitab itu, beliau telah mereka dan menirunya. Mungkin mereka mengira beliau tentu telah meniru Kitabnya – Al-Qur'an – dari kitab-kitab Yahudi dan Kristian.

Izinkan saya menggambarkan sebahagian dari kata-kata orang-orang bukan Islam pengeritik Islam yang telah dengan sengaja atau tidak, mereka telah terjerumus ke dalam kesilapan mempercayai bahawa Muhammadlah yang mengarang Al-Qur'an:

1. *Gibbon*: Pujangga sejarah dalam "*Keruntuhan dan Kejatuhan Empire Rom*" berpendapat mengenai Islam dan Al-Qur'an: "KEPERCAYAAN MUHAMMAD BEBAS DARI SANGKAAN KEKABURAN MAKNA, DAN AL-QUR'AN ITU ADALAH PENGAKUAN MULIA KEESAAN TUHAN." Walaupun demikian pujangga ini mati kafir.

2. *Thomas Carlyle*, salah seorang ahli fikir teragung di abad yang lampau, dalam bukunya "*Pahlawan-pahlawan dan Mendewa-dewakan Mereka*" di bawah tajuk 'Pahlawan Sebagai Nabi' menyeru akan Perutusan Muhammad: "KATA-KATA ORANG SEUM-PAMA INI ADALAH SUARA LANGSUNG DARI HATI TABIAT ALAM SEMULAJADI SENDIRI. MANUSIA MENDENGAR DAN PASTI MENDENGAR KEPADANYA DAN TIDAK SELAINNYA; KESEMUA SELAINNYA ADALAH ANGIN BERBANDING DENGANNYA." Andaikata, 'kesemua selainnya adalah angin kosong, sampah dibanding dengan apa yang diperkatakan oleh Muhammad' – ahli fikir agung ini mati seorang Kristian Anglikan.

3. *Padri R. Bosworth-Smith*, seorang pendakwah Kristian dalam bukunya "*Muhammad dan Ugamanya*" terpaksa mengaku mengenai Muhammad dan Al-Qur'an – "TANPA MEMPUNYAI PELAJARAN DAN HAMPIR TIDAK TAHU MEMBACA DAN MENULIS: WALAUPUN DEMIKIAN DIA ADALAH PENGARANG SEBUAH BUKU, BERBENTUK SYAIR, SUSUNAN UNDANG-UNDANG, KITAB DOA-DOA YANG LAZIM – DAN KITAB INJIL – KESEMUA TERCANTUM DALAM SATU. DAN DISANJUNG SEHINGGA KINI OLEH SATU PER ENAM DARI KESEMUA MANUSIA SEBAGAI SUATU MUKJIZAT YANG SUCI DARI SEGI GAYA, KEBIJAKSANAAN DAN KEBENARAN. IA ADALAH SATU MUKJIZAT YANG DITUNTUT OLEH MUHAMMAD, MUKJIZAT YANG TEGUH KATANYA, DAN BENAR IANYA SUATU MUKJIZAT!" Walaupun demikian Bosworth-Smith mati seorang Kristian Katholik.

4. *La Martine*, ahli sejarah Perancis di dalam "*Sejarah Orang-orang Turkey*" mengulung sanjungan mulia kepada Muhammad dengan perkataan-perkataan ini: "AHLI FALSAFAH, AHLI PIDATU, NABI, PENGGUBAL UNDANG-UNDANG, PEJUANG, PENAKLUK PEMIKIRAN, PELETAK KEMBALI KEPERCAYAAN RATIONAL, ATAS UGAMA YANG TIDAK MEMPUNYAI BERHALA: PENGASAS DUAPULUH KERAJAAN DUNIAWI DAN SATU KERAJAAN ROHANI – INILAH MUHAMMAD. MENGENAI KESEMUA UKURAN DI MANA KEAGUNGAN MANUSIA BOLEH DIUKUR, KITA HARUS BERTANYA, 'ADAKAH SEORANG LAIN YANG LEBIH TERAGUNG DARINYA?'" La Martine telah menjawab soalnya sendiri dengan secara tidak langsung, bahawa TIADA MANUSIA YANG LEBIH TERAGUNG DARI DIA! Muhammadlah sesungguhnya yang teragung! Walaupun demikian orang Perancis dari kaum bangsawan ini mati di luar Islam.

5. *Jules Masserman*, Pakar Ilmu Analisa Jiwa Amerika Syarikat dalam Majallah "TIME" tanggal Julai 15, 1974 dalam sumbangannya kepada ruangan khas "*Dimanakah*

Pemimpin-pemimpin?" akhirnya merumus pendapatnya setelah mendalami watak-watak terkemuka dalam sejarah: "MUNGKIN PEMIMPIN TERAGUNG SELURUH ZAMAN ADALAH MOHAMMED" sangat ajaib, sebagai seorang Yahudi, ia meletakkan wiranya, Nabi Musa, ketempat 'KEDUA SELEPASNYA'. Nabi Isa dan Buddha jauh ketinggalan mengikut ukuran objektifnya.

6. *Michael H. Hart*, dilukiskan sebagai ahli falak Amerika, ahli sejarah dan ahli matematik telah mengeluarkan sebuah buku mengandungi 572 muka bertajuk "*Yang 100*" atau "*100 Yang Tertinggi*" atau "*100 Yang Terkemuka Dalam Sejarah?*" Setelah meneliti laki-laki (dan perempuan) dalam sejarah dari Adam sehingga kini, ia memilih 100 orang-orang yang terpengaruh dalam sejarah. Dia meletak Muhammad TERTINGGI SEKALI DALAM 100NYA. Yang menghairankan mengenai senarainya, ia meletakkan *Penyelamatnya Nabi Isa* ke tempat ketiga.

Kita boleh menambah lagi nama-nama orang-orang bukan Islam yang terkemuka seperti George Bernard Shaw, John Davenport, Mahatma Gandhi dll. yang telah memberi dengan murah hati sanjungan tinggi kepada Muhammad Utusan Tuhan dengan menyatakan bahawa 'Muhammad adalah satu di antara sejuta'; bahawa 'beliau adalah manusia teragung dalam sejarah'; bahawa 'beliau adalah pemimpin ugama yang sangat berjaya'; *Mungkin tiada seumpama beliau sepanjang hayat bumi ini.* Kesemua ini dan lebih dari itu adalah benar mengenai Muhammad. Tetapi sanjungan-sanjungan ini menimbulkan masalah bagi kaum Muslimin. MENGAPA PULA ORANG-ORANG INI TIDAK MENGIKUT MUHAMMAD; MENGAPA MEREKA TIDAK MEMELUK UGAMA ISLAM?

Pendapat saya pada mula-mulanya adalah bahawa orang-orang yang bukan Islam ini adalah orang-orang Munafik, tetapi dakwaan saya ini tidaklah benar. Memandangkan pendapat terbaru mengenai Al-Qur'an, pendapat saya mengenai orang-orang terkemuka ini telah berubah. Walaupun di antara mereka, ada yang meletakkan Muhammad di atas Nabi-nabi dan pemimpin mereka, mereka tidak bersedia untuk menerima Islam oleh kerana di dalam hati sanubari mereka, mereka percaya bahawa Muhammadlah yang mencipta Islam; bahawa dialah yang telah mengarang Al-Qur'an. Sebilangan penulis-penulis di atas telah menyebutkan perkara ini dengan perkataan yang tepat dan yang lain telah menyuarakannya dengan secara tidak langsung. Tetapi pada keseluruhannya, tiap-tiap di antara mereka mempercayai bahawa kejayaan Muhammad adalah dari kebijaksanaanannya sendiri.

Yang terakhir dalam senarai orang-orang yang memuji Muhammad ialah Michael H. Hart. Setelah menyuarakan bahawa Muhammad adalah seorang yang amat terpengaruh dalam sejarah – kedua-dua dari segi duniawi dan rohani – ia cuba menguatkan pendapatnya dalam karangannya. Dia menyatakan dengan terang di muka surat 39 bukunya tentang pendapat dan perasaan mengapa ia tidak memeluk Ugama Islam: "SELAINNYA, DIA ADALAH PENGARANG KITAB ORANG-ORANG ISLAM AL-QUR'AN; PENGUMPULAN SEBAHAGIAN DARI PERASAAN MUHAMMAD YANG DIPERCAYAI DITERIMA SECARA LANGSUNG DARI ALLAH." Perhatikan ayat huruf-huruf besar dalam petikan ini "DIA ADALAH PENGARANG" dan di Bil.2 di atas – Thomas Carlyle yang menyatakan "KATA-KATA ORANG SEUMPAMA INI ..." dan di Bil.3, Padri Bosworth-Smith yang menyatakan "WALAUPUN DEMIKIAN DIA ADALAH PENGARANG SEBUAH BUKU ..." (Huruf-huruf besar dari pengakuan ini adalah dari saya). Di sinilah letaknya ciri-ciri mengapa mereka tidak menerima Islam, Ugama dari Tuhan seperti mana digambarkan oleh Allah tuduhan orang-orang kafir dengan menyatakan di Surah 74, Ayat 25 – "INI TIDAK LAIN HANYALAH KATA-KATA MANUSIA!"; bahawa Al-Qur'an itu adalah 'CIPTAAN MANUSIA.' (Sila rujuk Raja 5, Muka 19).

BAB 5

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

Sebagai jawapan kepada anggapan yang salah ini, Pengarang ini (Tuhan Yang Maha Kuasa) menyampaikan amaran yang mengerikan – “SESUNGGUHNYA AKU AKAN MASUKKAN DIA KE DALAM API NERAKA! ...” Menamatkan amaran ini dengan ayat yang akhir:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرًا

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

(Al-Qur'an: Surah 74, Ayat 30)

Dengan lain perkataan, jika seseorang membuat tuduhan palsu ke atas Nabi bahawa dia adalah pengarang Kitab Tuhan ini, maka orang ini akan memperolehi, selain dari yang lain, “Sembilan Belas” dibebankan ke atasnya. Ia akan dipersoalkan dengan “*Sembilan Belas.*”

APAKAH “SEMBILAN BELAS” INI?

Pentafsir-pentafsir yang lampau telah mengemukakan tekaan-tekaan yang indah mengenai apanya “19” ini. Sebahagian di antara mereka menyatakan bahawa angka ini memberi erti 19 Malaikat yang mengawal isi Neraka. Selain menyatakan bahawa “19” ini menunjukkan 19 pancaindera manusia dan selain pula memberi erti bahawa ianya merupakan rukun-rukun dan sendi utama Ugama Islam (Sila lihat penerangan tafsiran yang diberi oleh Abdullah Yusuf Ali dan Maulana Daryabadi). Tetapi, tiap-tiap pentafsir mengakhiri pendapatnya dengan perkataan “*Bahawa Allah Sahajalah Yang Maha Mengetahui*”. Tiada di antara pentafsir telah memberi kata putus mengenai perkara ini. Tetapi mengapa ‘Allah Sahajalah Yang Maha Mengetahui?’ Oleh kerana Nabi kita tidak menerangkan penjelasan sebenar mengenai angka 19 ini. Jika telah dijelaskan oleh beliau, tiada sebab untuk kita ingin mengetahui.

“*Sembilan Belas*” hanyalah satu angka. Apakah ertinya bagi orang-orang Arab sebelum turunnya ayat wahyu ini? Ia tidak mempunyai erti selain dari ‘sepuluh campur sembilan (10 + 9)’. Dari masa ayat ini diturun sehingga kini, apakah erti yang lain angka ini memperolehi selama 1400 tahun? Tiada! Sembilan belas masih sembilan belas ... (10 + 9).

Dalam bahasa-bahasa di muka bumi ini, angka-angka berlainan memberi erti yang berlainan, selain dari nilainya yang sebenar. Sebagai contoh ialah angka “786”. Tanyalah mana-mana anak orang-orang Islam di Afrika Selatan apa erti angka “786” ini, dan dia akan menjawab dengan tidak perlu berfikir:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

maknanya “DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MEN-GASIHANI.” Sebagaimana perkara ini berlaku perlu dihuraikan. Dengan ringkasnya, huruf-huruf Yahudi dan Arab telah diberi abjad-abjad. Sekiranya tiap-tiap huruf di atas diberi abjad-abjad bagi sesuatu dan dicampurkan, jumlahnya adalah 786. “786”, dengan ini adalah ringkasan atau formula bagi ayat di atas itu.

Di Afrika Selatan, sebahagian rumah-rumah pengsa di dalamnya dimulakan dengan angka 1, 2, 3 ... dan selepas 12 diikuti dengan *12a, 14, 15* dan seterusnya. Mengapa 12a? Mengapa 13 ditinggalkan? Tidakkah mereka mengetahui menulis angka 13? Anda akan memperolehi jawapan bahawa sebilangan manusia mempercayai perkara-perkara yang karut dan tidak akan tinggal di rumah pangsa nombor 13 oleh kerana mereka percaya bahawa angka 13 ini akan membawa kecelakaan. Dan apa pula “Hari Jumaat 13 hari-bulan?” Ah! Ini bermakna kecelakaan atas kecelakaan. “DUA GANDA KECELAKAAN”. Selain dari ini, kita mempunyai perkataan seumpama “darjah ketiga” mengandungi makna seksaan jasmani. Dan tanya pula “penyebarkan hangat ugama” apa erti “666” dan anda akan diberitahu ini bermakna “tanda binatang buas yang ganas.” Ia memperolehi gambaran ini dari Kitab Injil. Di India dan Pakistan, sekiranya anda hendak menggambarkan watak-watak penjenayah masyarakat, penyeluk saku, penipu dan pencuri biasa, apa yang perlu anda sebut hanyalah bilangan 420 oleh kerana kesemua jenayah kecil

terkandung di bawah Seksyen 420, Undang-undang Jenayah India yang mana telah juga diwarisi oleh Pakistan. Begitu juga dalam bahasa-bahasa di muka bumi ini, kita ada berbagai-bagai angka yang menggambarkan selain dari nilai angka-angka itu yang sebenar. Tidaklah asing bahawa walaupun orang-orang Islam telah berulang-ulang kali membaca ayat – “*Di atasnya adalah sembilan belas,*” selama 1400 tahun, tidak ada apa-apa makna diletakkan kepadanya. Angka “19” ini dalam Al-Qur’an masih tidak tercemar. 19 masih 19.

Oleh kerana angka ini diberi sebagai jawapan – “Bahawa Muhammad telah mengarang Kitab itu,” Pengarangnya yang Sebenar – Tuhan Yang Maha Kuasa mengetahui akan makna “19” ini. Tetapi sekiranya Muhammad mengarang Al-Qur’an, ia juga tentu dengan tepat mengetahui akan apa yang diperkatakan itu.

Kita mengetahui dengan nyata bahawa Al-Qur’an itu adalah semata-mata Kata-kata Tuhan diletak ke dalam mulut Muhammad. Ini adalah apa yang didakwa oleh Rasul dan inilah apa yang dijelaskan dalam Al-Qur’an:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ

DAN DIA (MUHAMMAD) TIDAK MEMPERKATAKAN
MENURUT KEMAHUANNYA.

إِن هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۗ

IA TIDAK LAIN HANYALAH WAHYU YANG DITURUNKAN
KEPADANYA:

عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ ۗ

DIA DIAJAR OLEH SESUATU YANG AMAT KUAT DAN
BERKUASA,

(Al-Qur’an: Surah 53, Ayat-ayat 3–5)

Dan beliau berulang-ulang kali disuruh menyampaikan kepada manusia:

فَلْإِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ

KATAKANLAH: “AKU HANYALAH SEORANG MANUSIA
SEPERTI KAMU,

يُوحَىٰ إِلَيَّ

(TETAPI) WAHYU TELAH SAMPAI KEPADA KU,

إِنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ ۗ

BAHAWA TUHAN KAMU ADALAH TUHAN YANG SATU:....”

(Al-Qur’an: Surah 18, Ayat 110)

Menerima dengan sepenuhnya dan mempercayai sebagai seorang beragama Islam bahawa Muhammad tidak mengarang atau mereka sepatah hurufpun yang terdapat di

dalam Al-Qur'an, tetapi dengan mempercayai kritik-kritik yang bukan Islam sekadar sebentar sahaja (dan sekadar untuk berbahas bahawa 'Muhammad telah mengarang Kitab itu'), kita akan dapat memperlihatkan dengan cepat bahawa "AL-QUR'AN ADALAH MUKJIZAT TERAGUNG DARI SEGALA YANG TERCIPTA," dan dengan mutlak di luar akal manusia untuk memikir dan menciptakannya.

Mengikuti susunan Wahyu Al-Qur'an yang diturunkan, kita melihat bahawa Ayat 30, *Surah Muddaththir* (Surah 74) –

ر. عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرَةَ

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

adalah ayat yang akhir yang disampaikan kepada Muhammad oleh Malaikat Mukarabin Jibril pada panggilannya yang keempat. Jibril, dalam menanggukkan di sini, tidak memberi Muhammad baki 26 ayat dalam Surah ini yang boleh menyempurnakannya – tetapi mula meminta beliau membaca baki dari Surah 96 – *Wahyu Yang Pertama*. Seterusnya beliau diberi 14 ayat lagi. Pada panggilan pertama, beliau diberi hanya 5 ayat di mana 14 lagi telah ditambah kemudian. Berapakah jumlah ayat-ayat ini? "Sembilan Belas" adalah jawabannya. Bagaimana perkara ini berlaku? Setelah sahaja memperkatakan perkataan "SEMBILAN BELAS" pada Wahyu di atas, satu Surah mengandungi 19 ayat disempurnakan? Mereka yang ragu-ragu akan tentu menjawab bahawa perkara ini semata-mata terjadi secara kebetulan saja. Perkara secara kebetulan ini pernah berlaku. Hal ini kita tidak boleh menafikan.

Tetapi adakah anda tahu bahawa lima ayat yang pertama dari Wahyu Pertama (Surah 96, Ayat-ayat 1–5) mengandungi 19 perkataan? Iaitu 19x1? Bagaimana perkara ini berlaku? "Secara Kebetulan" juga? 19 perkataan ini mengandungi dengan tepatnya 76 huruf yang boleh dibahagikan dengan 19, iaitu 19x4. Bagaimana perkara ini berlaku? "Secara Kebetulan." Surah yang ke 96 ini! Sekiranya kita mengira dari Surah akhir ke belakang dari Surah 114 ke 113 dan 112 dan 111 dan seterusnya, kita dapati bahawa apabila kita sampai ke Surah 96 ini, bahawa ianya adalah Surah ke 19 dari akhir. Bagaimana berlaku bahawa satu Surah mengandungi 19 ayat terkunci di tempat yang ke 19 dari akhir? "Secara Kebetulan" hanyalah jawapan yang boleh diberi.

Bagi seseorang mengarang buku, ia perlu merangka dan merancang di dalam akalnya. Seseorang tidak boleh mencatat selama lebih dari 20 tahun dan selepas itu cuba menyusun semula supaya ianya menjadi sebuah buku. Sekiranya Muhammad mengarang Al-Qur'an, tentulah ia perlu mencatat atau mewujudkan satu cara untuknya seperti mana-mana pengarang lain perlu membuat. Jadi, ia perlu memperkatakan kepada dirinya (hanya untuk memudahkan kita) bahawa "Saya akan mengarang sebuah kitab yang tabal. Kitab ini akan mengambil masa 23 tahun dari usiaku untuk menyiapkan usaha ini: Saya perlu bahagikan kitab ini kepada Bab-bab untuk mudah dirujuk dan dipelajari oleh pengikut-pengikut ku." Seterusnya marilah kita menganggap bahawa beliau memutuskan bahawa buku itu akan mengandungi 114 Bab. Bukan 113 atau 115, tetapi 114. Mengapa 114? Oleh kerana ia boleh dibahagikan dengan 19 ... (19x6). Tidakkah beliau (?) memperkatakan 'Aku akan mempersoalkan kamu dengan sembilan belas' kepada tiap-tiap orang yang akan mengaitkan beliau dengan pengarangan Al-Qur'an? Bagaimana berlaku bahawa Al-Qur'an mengandungi hanya 19x6=114 Surah? Orang-orang yang meragukan-

nya atau kritik-kritik kita akan menyahut dengan sama perkataan yang jelak – “*secara kebetulan*”! Tidakkah ia mempunyai lain perkataan dalam perbendaharaan kata-katanya untuk menerangkan kejadian ini? Tentu tidak! Ini adalah penyakit manusia, bahawa apabila ia tidak dapat menerima dan menerangkan sesuatu kejadian; dia merekakan perkataan di mana ia menipu dirinya sendiri bahawa ia telah menyelesaikan masalah itu. Ia berlindung di belakang dua perkataan! Orang-orang Kafir sedia membuat tuduhan palsu bahawa “Muhammad telah mengarang Kitab itu,” tetapi mereka tidak sanggup menerima bahawa 1400 tahun yang lampau, seorang manusia dari padang pasir yang tidak tahu membaca dan menulis ini, tanpa kertas dan pensil, telah mengikuti susunan matematik untuk mengeluarkan satu kitab.

Kita telah terjumpa 5 perkara “secara kebetulan.” Oleh kerana orang-orang Kafir tidak sedia mengalah bahawa Muhammad telah boleh mencapai perkara yang tidak menasabah ini, kita akan bermurah hati untuk mengeneppikan kesemuanya ini. Kita mampu untuk bermurah hati. Kita, walaupun demikian, bersetuju dengan penentang-penentang Muhammad bahawa adalah mustahil bagi Muhammad menjadi pengarang Al-Qur’an atas asas-asas ini. Kita, walaupun demikian akan meneruskan isue ini kerana musuh kita telah membuat tuduhan tetapi tidak bersedia untuk mempertahankannya.

Kawan dan lawan, serupa bersetuju bahawa Muhammad benar dan patuh kepada kata-katanya. Lama sebelum kerasulannya, kaum-kaum beliau yang Musyrik telah meletakkan di atasnya gelaran yang mulia – “*As-sadiq al-Wa’d al-Ameen*” – SEORANG YANG MENEPATI JANJI, AMANAH, BOLEH DIPERCAYAI, LURUS. Jika manusia Muhammad ini memperkatakan – “Di atasnya adalah sembilan belas” – “Aku akan mempersoalkan kamu dengan sembilan belas; sembilan belas akan dibebankan ke atas kamu,” tentu sekali beliau akan menjalankan ancamannya ini. Marilah kita ikuti sejauh mana Muhammad harus pergi untuk menepati janjinya.

Marilah kita anggap bahawa Muhammad berkata kepada dirinya (?) bahawa “Kitab ku ini akan, secara mutlak, menjadi sebuah kitab yang amat ganjil. Tidak akan ada buku yang pernah dikarang sebelumnya dan sesudah itu pada masa-masa akan datang, iaitu sebuah kitab berasaskan kepada rangkaian matematik. Saya akan menggubah satu sistem matematik yang sangat sukar dan sulit dan terkunci untuk memelihara Kitab saya dari apa jenis pencemaran. Tidak ada manusia yang akan dapat menambah, mengurang atau mengubah sepepat perkataan kepada karangan ini setelah disiapkan dan bahawa sistem ini akan berasaskan kepada angka 19!”

Mengapa 19? Adakah oleh kerana angka ini mudah digunakan? Tidak! Ia adalah angka yang paling susah untuk digunakan. Ia tidak boleh dibahagikan. Tidak seperti angka 18 sebelum darinya yang mana boleh dibahagikan dengan 2, 3, 6 dan 9; dan juga angka 20 selepas darinya yang boleh dibahagikan dengan 2, 4, 5 dan 10; 19 tidak boleh dibahagikan. Dalam ilmu matematik, ia merupakan angka yang hanya boleh dibahagikan dengan 1 dan dengan sendirinya sahaja, dan ia adalah angka yang ganjil oleh kerana ia bermula dengan 1, angka yang terkecil dalam sistem matematik kita dan berakhir dengan 9, angka yang terbesar dalam sistem matematik kita; ia merupakan ‘*alfa*’ dan ‘*omega*’ dalam sistem matematik kita. Mungkin Muhammad mengetahui sifir 19; manakala Einstein, seorang pakar ilmu matematik yang terkemuka tidak tahu sifir 19. Saya tahu perkara ini. Setakat manakah Muhammad mengetahui sifir 19 ini? Harus dianggapkan setakat yang tidak boleh dibayang, kita akan memperolehi apabila sampai masanya, sekiranya kita mempertahankan bahawa Muhammadlah yang mengarang Al-Qur’an.

BAB 6


PEMBILANGAN DAN ABAD

Untuk menjadikan Kitabnya itu ganjil, Muhammad dianggap telah berkata kepada dirinya lagi: 'Ayat yang pertama dalam kitab ini mesti mengandung 19 huruf.' Bagaimanakah di mana-mana jua seseorang memperolehi satu ayat mengandung 19 huruf untuk memulakan bukunya ini selain dari *mencuba melalui kesilapan*? Sekiranya saya dan anda, pembaca yang dikasihi, menggunakan cara ini untuk diatasi bagi memulakan sesebuah buku, kita perlu bermula dengan meneka apa-apa ayat yang terlintas di akal kita. Untuk memberi anda contoh, apabila saya mencuba dengan kelemahan yang ada, ayat – "*The quick brown fox jumps over the lazy dog*" terlintas terang dalam akal saya. Dengan cepat saya mencampurkan huruf-huruf itu tetapi dengan sedih, jumlahnya 35. Jauh sekali! Apa pula "*Honesty is the best policy*"? Maaf, hanya 3 huruf berlebihan. Apa pula "*Once upon a time*" atau "*Ba ba black sheep*?" Perlu anda tuliskan ayat dari akal anda dan bilangkan huruf-huruf itu. Tidak ada cara yang lain. Saya boleh memberi penerangan yang logik atas hasil akal saya dan begitu juga anda sekiranya anda mencubanya; tetapi tidak berjaya. Mungkin sepanjang usia anda, anda tidak akan terjumpa ayat mengandung 19 huruf untuk memulakan buku anda. Tetapi pengarang kita (?) Muhammad *tepat kena pada sasarannya*. Kita perlu ingat bahawa kita menganggap beliau adalah seorang yang bijaksana di antara para bijaksana yang lain. Beliau bermula:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI
MAHA MENGASIHANI

Bilangkan huruf-huruf ini dan jumlahnya ialah tepat SEMBILAN BELAS. $19 \times 1 = 19$. (Sila lihat Rajah 6). Saya telah memudahkan pembilangan untuk anda. Sila sahkan hal ini sebelum maju membaca ke hadapan. Bagaimana perkara ini berlaku? “Secara Kebetulan!” terlepas dari ahli-ahli duniawi, kawan-kawan yang meragukannya. Oleh kerana kita telah mengeneipkan 5 “Secara Kebetulan” yang lalu, kita akan bersetuju dengan kawan kita bahawa secara kebetulan ini boleh terjadi sekarang buat kali *pertamanya*. Tetapi tidakkah Muhammad memperkatakan bahawa – “*Di atasnya adalah sembilan belas?*” ‘Sembilan belas ini akan dibebankan ke atas kamu’ bahawa ‘kamu akan dipersoalkan dengan sembilan belas!’ Ia benar, tetapi tentu Muhammad tidak memberi erti yang begitu tepat atas ancumannya (?), menurut akal pendapat orang-orang Kafir.



عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

19

Al-Qur'an: Surah 74, Ayat 30

Katakanlah Muhammad (?) sekali lagi berkata kepada dirinya sendiri – ‘Ayat pertama yang mengandungi 19 huruf ini adalah sangat mudah bagiku. Apa yang aku akan buat sekarang adalah – aku akan memperhatikan bahawa *tiap-tiap* perkataan dalam ayat pertama ku ini akan diulang dalam Kitab ku dengan jumlahnya TEPAT BOLEH DIBAHAGIKAN dengan 19.’ Untuk mengesahkan samada Pengarang (?) kita ini berjaya dalam urusan yang sangat besar ini, kita perlu menggunakan komputer terhadap Al-Qur’an. Kita tidak mempunyai masa dan kesabaran untuk membuka tiap-tiap muka Al-Qur’an berulang-ulang kali untuk mengira tiap-tiap perkataan dan tiap-tiap huruf. Marilah kita perlihatkan hasil data-data yang diperolehi dari komputer. (Sila lihat Rajah 7,

Muka 30). Perkataan pertama **اِسْمِ** maknanya “NAMA” terdapat 19 kali dalam Al-Qur’an, hanya $(19 \times 1 = 19)$. Bagaimana perkara ini berlaku? Orang-orang Kafir berkata – “secara kebetulan.” Di dalam senarai baru kita mengenai secara kebetulan ini adalah sekarang menjadi buat kali yang kedua. Yang pertama kali dalam senarai *anda* mengenai “secara kebetulan” ini adalah MUNGKIN, tetapi tentu buat kali yang kedua, ia adalah MUSTAHIL! Walaupun demikian, marilah kita minta komputer menyatakan berapa

kali perkataan **الله** maknanya “TUHAN” berlaku dalam Al-Qur’an? “2698” adalah jawapannya dengan cepat. Keluarkan alat pengira anda dan bahagikan dengan 19. $19 \times 142 = 2698$ tepat adalah jawapannya. Bagaimana perkara ini berlaku? “Secara kebetulan” lagi? “Ia”. Kamu tidak melihat bahawa perkara ini sudah mula menjadi MUSTA-

HIL?! Marilah kita melihat perkataan berikutnya **الرَّحْمٰنِ** maknanya “YANG MAHA PEMURAH.” Berapa banyak?

Jawapannya ialah 57. $(19 \times 3 = 57)$. Bagaimana perkara ini berlaku? Ia, sekali lagi.

Ini tentulah MUKJIZAT! Perkataan berikutnya **الرَّحِيْمِ** bermakna “YANG MAHA MENGASIHANI.” Berapa kali banyaknya? Jawabannya ialah 114 $(19 \times 6 = 114)$. Bagaimana perkara ini berlaku? “S-e-c-a-r-a k-e-b-e-t-u-l-a-n” adalah jawapan yang bosan yang hampir tidak kedengaran. Kemungkinan perkara ini berlaku adalah sudah menjadi lebih dari MUKJIZAT. Ianya adalah lebih dari apa yang mana-mana manusia boleh membuatnya, walaupun Muhammad.

Perkataan yang akhir **الرَّحِيْمِ** “YANG MAHA MENGASIHANI” berlaku 114 kali, bilangan yang tepat mengikut bilangan Surah-surah Al-Qur’an, seolah-olah serata

dibahagi satu **الرَّحِيْمِ** “YANG MAHA MENGASIHANI” bagi *tiap-tiap* Surah. Kita tidak perlu menjadi seorang yang bijaksana untuk menyedari sehingga ini bahawa Muhammad tidak mungkin dapat sama sekali menentukan semua ini tanpa apa-apa pelajaran; tanpa kertas dan pensil, tanpa komputer dan alat pengira.

Tetapi untuk Kitab ini datangnya dari Tuhan, ia pasti membawa sedikit bukti yang nyata. Tiap-tiap dokumen yang sah mengandungi mohor puncanya. Sesuatu surat dakwa atau perintah rasmi dari Mahkamah Tinggi ada mengandungi mohor dan ini tidak boleh dinafikan. Sesuatu paspot mempunyai mohor dicap dengan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

JUMLAH TEPAT TIAP-TIAP PERKATAAN BAGI
FORMULA DI ATAS TERDAPAT DI DALAM AL-QUR'AN

19 KALI (19 x 1)

اِسْمِ

BERMAKNA "NAMA"

2,698 KALI (19 x 142)

اللّٰهِ

BERMAKNA "TUHAN"

57 KALI (19 x 3)

الرَّحْمٰنِ

BERMAKNA "YANG
MAHA PEMURAH"

114 KALI (19 x 6)

الرَّحِیْمِ

BERMAKNA "YANG MAHA
MENGASIHANI"

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرَةَ

30. DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN
BELAS

(Al-Qur'an: Surah 74, Ayat 30)

Rajah 7

terang supaya tiada yang boleh meniru lukisan atau gambar lain di atasnya. Al-Qur'an supaya ianya dikenali datang dari Tuhan patut juga mengandungi mohor seumpama itu dari Tuhan. Dan benar ia membawanya – Kuncinya ialah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI
MAHA MENGASIHANI

samada ditulis seperti di sini secara garis lurus atau mengikut tulisan gambar yang anda lihat (Sila lihat Rajah 8, Muka 32). Mohor ini boleh dibuat dari kayu, getah atau logam. Untuk 114 *Surah*, pasti ada 114 *Mohor*, satu untuk tiap-tiap Bab dalam Al-Qur'an. Orang-orang yang tidak mengetahui Bahasa Arab pun akan boleh mengenal Mohor Tuhan di permulaan tiap-tiap Bab dari Al-Qur'an, tetapi yang pelik keliru ialah terdapat pada permulaan Bab 9, ayat kunci ini tiada (Sila lihat Rajah 9, Muka 33). Ini menimbulkan masalah. Kesemuanya 114 *Surah* dan hanya 113 *Mohor*, dan 113 tidak boleh dibahagikan dengan 19. Walaupun demikian, pengarangnya telah menentukan sepertimana yang dijanji 'untuk mempersoalkan dengan 19.'

DI ATASNYA ADALAH
SEMBILAN BELAS

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرًا

Kecantikan atau mutu keindahan adalah terkandung dalam cara yang istimewa untuk mengatasi masalah dalam kelakuannya samada dalam seni gerak badan (acrobatics), seni penerbangan (aerobatics), seni menyelam (acquabatics) atau matematik. Wujudkan masalah dan selepas itu atasinya. Tetapi bagaimana masalah timbul dalam Surah 9 pada mulanya? Anda lihat, Surah 9 dikenal sebagai *Surah At-Taubah* maknanya "Taubat." Ia adalah satu kata akhir yang diberi kepada kaum "Musyrik" yang baru telah mengingkari perjanjian penting yang mereka ikat dengan upacara yang sopan dengan kaum Muslimin. Sila perhatikan bahawa pada akhir Ayat 3 (Sila lihat Muka 33), Allah berfirman:

وَأَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا

DAN KHABARKANLAH KEPADA ORANG-ORANG KAFIR

بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

AZAB YANG TIDAK TERPERI SAKITNYA

114

MOHOR




114

SURAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

TETAPI BAGAIMANA SURAH 9?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Rajah 8

PERHATIKAN DI SINI SAHAJA
TIDAK TERDAPAT AYAT INI

Surah 9

At-Taubah (Taubat) atau Baraah
(Pemutusan Tanggungjawab)

1. PEMUTUSAN TANGGUNGJAWAB
(PEMBATALAN PERJANJIAN)
DARI TUHAN DAN UTUSANNYA,
TERHADAP KAUM KAFIR YANG
KAMU MENGIKAT PERJANJIAN
SETIA:—

2. PERGILAH KAMU SELAMA EM-
PAT BULAN, KEBELAKANG DAN
KEHADAPAN (DENGAN BEBAS-
NYA), KESELURUH MUKA BUMI
INI, KETAHUILAH BAHAWA
KAMU TIDAK AKAN DAPAT
MENGECEWAKAN TUHAN (DE-
NGAN TIPUDAYA KAMU). TETA-
PI SESUNGGUHNYA TUHAN
AKAN MENGHINA MEREKA
YANG MENENTANGNYA.

3. DAN PERISTIHRAN DARI
TUHAN DAN UTUSANNYA, KE-
PADA UMAT MANUSIA PADA
HARI HAJI YANG TERBESAR,
— BAHAWA TUHAN DAN UTU-
SANNYA MEMUTUSKAN (PER-
JANJIAN) TANGGUNGJAWAB
TERHADAP ORANG-ORANG
MUSYRIK. JIKA SEKIRANYA
KAMU BERPALING TADAH DAN
BERTAUBAT, MAKA YANG DE-
MIKIAN ADALAH BAIK BAGIMU;
TETAPI JIKA KAMU BERPALING
ENKAR, KETAHUILAH BAHAWA
KAMU TIDAK AKAN DAPAT
MENGECEWAKAN TUHAN. DAN
KHABARKANLAH KEPADA
ORANG-ORANG KAFIR AZAB
YANG TIDAK TERPERI SAKIT-
NYA BAGI MEREKA YANG
MENOLAK UGAMA TUHAN.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

سوره ٩
سُورَةُ التَّوْبَةِ مَدَنِيَّةٌ

١- بَرَاءَةٌ مِّنَ اللّٰهِ وَرَسُولِهِ
إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ
مِنَ الْمُشْرِكِينَ ۝

٢- لَسِيخْرًا فِي الْأَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ
وَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ عَيْرٌ مِّمَّنْزِي اللّٰهِ
وَأَنَّ اللّٰهَ مُخْزِي الْكٰفِرِينَ ۝

٣- وَأَذَانٌ مِّنَ اللّٰهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ
يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ
أَنَّ اللّٰهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَ
رَسُولُهُ فَإِنْ تُبْتُمْ
فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ
فَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ عَيْرٌ مِّمَّنْزِي اللّٰهِ
وَبَرِيءٌ الَّذِينَ كَفَرُوا

وَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

MASALAH TIMBUL – 114 SURAH TETAPI 113 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
DAN 113 TIDAK TEPAT BOLEH DIBAHAGIKAN DENGAN 19. SEKARANG KE-
BENARAN عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرًا “DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS”
DIPERSOALKAN.

SILA LIHAT RAJAH 10 TERDAPAT JAWAPANNYA.

Rajah 9

Apabila Tuhan menyampaikan amaran yang ngeri ini, berdebatlah cerdek pandai, maka tidak wajar ayat ini dimulakan dengan doa yang begitu indah dengan memberi banyak harapan terhadap Yang Pemurah dan Yang Mengasihani. Adalah menjadi peraturan biasa dalam perhubungan sesama manusia bahawa apabila segulungan mengingkari ikatan janji atau sumpah bahawa gulungan yang menjadi mangsa tidak akan berkata-kata baik apabila memberi amaran atau menyampaikan kata-kata akhir. Seseorang TIDAK akan bermula dengan – “*Aku adalah seorang yang sangat berhati baik, bermurah hati dan penyayang ... tetapi aku akan cekek leher engkau jika engkau tidak pulangkan beg duit aku!*” Penerangan yang sangat logik, tetapi ini tidak akan dapat mengatasi masalah kita – 114 SURAH dan 113 BISMILLAH:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Secara ringkas, kita kekurangan satu “MOHOR”! Pengarang kita (*Allah dan bukan Muhammad*) mengetahui akan hal ini. Sila perhatikan bagaimana Dia menyelesaikan masalah yang Dia sendiri timbulkan. Seperti Ahli Matematik Yang Handal, Ia mewujudkan masalah hanya untuk menakjubkan kita dengan kebolehanNya untuk menyelesaikannya.

BAB 7

TIDAK ADA PENGARANG MANUSIA

Pada Bab 27 – *Surah An-Naml* di Ayat 29 (Sila lihat Rajah 10, Muka 36), Dia mengenalkan dengan cara sangat bijaksana kisah Sulaiman yang Bijak dan Bilqis, Raja Perempuan Negeri Sabak. Sulaiman bukan saja seorang yang arif mengenai hal ehwal dunia tetapi beliau adalah seorang Nabi yang dapat petunjuk dari Tuhan. Di kawasan jiran sebelah kerajaannya, ada seorang Ratu yang murah hatinya memimpin rakyat yang berbudaya, tetapi ia dan rakyat-rakyatnya adalah orang-orang “Musyrik” – penyembah matahari dalam kepercayaan mereka. Sulaiman menulis kepadanya dengan belas kasihan ke atasnya dan rakyatnya tentang hal ehwal kerohaniah mereka. Ia menerima surat itu. Ia menerimanya dengan baik tetapi apakah caranya supaya rakyatnya menerima jemputan Sulaiman untuk memeluk Ugama Tuhan tanpa paksaan? Ia memahami jiwa rakyatnya. Jike berlaku ketua-ketua terkemuka di antara rakyatnya menolak jemputan itu, ia perlu menggoncang langit dan bumi untuk mereka mengata: “Kami menerima.” Dengan ini, ia panggil dan kumpulkan kesemua Menteri-menterinya seraya berkata kepada mereka:

29. “WAHAI MENTERI-MENTERI KU! SESUNGGUHNYA DI SINI – TELAH DISAMPAIKAN KEPADA KU – SEPUCUK SURAT YANG LAYAK DISANJUNG MULIA.
30. “IA ADALAH DARI SULAIMAN DAN KANDUNGANNYA (ADALAH SEPERTI BERIKUT):
‘DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI:

31. “‘JANGANLAH KAMU MENINGGI DIRI TERHADAPKU, TETAPI DATANGLAH KEPADA KU DENGAN MENYERAH KESELURUHAN DIRI BERIMAN DAN MEMATUHI UGAMA TUHAN.’”

(Al-Qur’an: Surah 27, Ayat 29-31)

Dengan usapan yang bijaksana, Pengarang kita telah mencapai urusanNya untuk menyempurnakan 114 “MOHOR” dengan begitu tangkas menyematkan “Bismillah”:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

di tengah Surah ini. Pada waktu yang sama Ia memenuhi tujuan-tujuanNya yang banyak dengan menggunakan hanya tiga ayat!

1. Ia telah memperolehi MohorNya yang ke 114 untuk dibahagi-bahagikan – satu bagi tiap-tiap Surah dalam Al-Qur’an.

Surah 27

An-Naml (Prihal Semut)

سُورَةُ النَّعْلِ مَكِّيَّةٌ

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

1. TA, SIN.
INI ADALAH AYAT-AYAT
AL-QUR’AN KITAB YANG
JELAS NYATA; ...

طس

تِلْكَ آيَاتُ الْقُرْآنِ وَكِتَابٍ مُّبِينٍ

29. IA (RAJA PEREMPUAN NEGERI SABAK) BERKATA: “WAHAI MENTERI—MENGERI KU! SESUNGGUHNYA DI SINI – TELAH DISAMPAIKAN KEPADAKU – SEPUCUK SURAT YANG LAYAK DISANJUNG MULIA.

... قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُو

أِنِّي أَلْقِي إِلَى كِتَابٍ كَرِيمٍ

30. “IA ADALAH DARI SULAIMAN DAN KANDUNGANNYA (ADALAH SEPERTI BERIKUT):
‘DENGAN NAMA TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI:’

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ

وَإِنَّهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

31. “‘JANGANLAH KAMU MENINGGI DIRI TERHADAPKU, TETAPI

أَلَّا تَعْلُوْا عَلَيَّ وَأَتُوْنِيْ مُسْلِمِيْنَ

DATANGLAH KEPADAKU DENGAN MENYERAH KESELURUHAN DIRI BERIMAN DAN MEMATUHI UGAMA TUHAN.’”

(Al-Qur’an: Surah 27, Ayat 29–31)





DEMIKIAN KESUDAHAN PADA AYAT 30 –

- | | | |
|-----|----------------|---------------------------------------|
| (1) | 114 MOHOR | بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ |
| (2) | 19 PERKATAAN | بِسْمِ |
| (3) | 2698 PERKATAAN | اللَّهُ |
| (4) | 57 PERKATAAN | الرَّحْمَنِ |
| (5) | 114 PERKATAAN | الرَّحِيمِ |

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN
BELAS

عَلَيْهَا تِسْعَةٌ عَشْرَةٌ

Rajah 10

2. Di sini, sekali lagi, Ia telah mengajar satu pelajaran kepada ‘orang-orang yang megah di muka bumi’ agar tidak menyombong dan angkuh. Walaupun sebagai Raja, mereka mesti mengaturkan urusan mereka secara “BERMESYUARAT SESAMA MEREKA” (Al-Qur’an: Surah 42, Ayat 38) dan bahawa mereka patut menyediakan orang-orang bawahan mereka supaya dengan jiwa raga mereka sendiri hendak menerima Wahyu ini.
3. Bahawa apabila anda menulis, menulishlah seolah-olah anda berada di hadapan “TUHAN YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI,” Yang sentiasa menjadi Saksi atas semua pemikiran dan tujuan tersembunyi anda.
4. Walaupun dari satu Raja duniawi kepada yang lain, sebagaimana gagah penulis itu, dan sebagaimana mulia Wahyu itu, ia mesti melaksanakannya dengan penuh perasaan rendah diri terhadap Tuhan. Dan,
5. Semasa menguruskan kesemua ini, Pengarang kita telah juga menyempurnakan:
 - 5.1. 19 perkataan  “Nama” dalam Al-Qur’an.
 - 5.2. 2698 perkataan  “Allah” dalam Al-Qur’an.
 - 5.3. 57 perkataan  “Ar-Rahman” dalam Al-Qur’an.
 - 5.4. 114 perkataan  “Ar-Rahim” dalam Al-Qur’an.

Tanpa satu “MOHOR” ini yang terkandung dalam Ayat 30 di atas, kita akan kekurangan satu bagi kesemua tiap-tiap perkataan termasuk juga Mohor yang tidak ada bagi Surah 9. Bolehkan anda bayangkan seorang penduduk di padang pasir tanpa apa-apa pelajaran dan tanpa kertas dan pensil, menyimpan butir-butir selama dua puluh tiga tahun – *di dalam akal*nya tiap-tiap perkataan “Allah” dalam Al-Qur’an,


selain dari apa kita perhatikan setakat ini? dan sesudah itu “berehat pada hari ketujuh” apabila ia dapati bahawa 2698 boleh tepat dibahagikan dengan 19? Nampaknya bahawa manusia ini Muhammad, sekiranya ia melaksanakan tugas ini, tentu mesti tidak ada apa-apa lain yang dibuat sepanjang hayatnya dan mempunyai semua masa di hadapannya untuk melaksanakan kira-kira matematik ini. Sebaliknya, beliau adalah seorang yang paling sibuk urusannya dalam sejarah. Sila rujuk kepada petikan karangan La Martine di muka 20 mengenai peranan-peranan Muhammad. Orang-orang Kafir dari kaumnya telah dengan garang menentang pembaharuan yang dibawa oleh beliau; orang-orang Yahudi, Kristian dan Munafik Madina telah cenderung kepada menghapuskan beliau serta ugamanya: dengan tangan beliau lebih dari penuh, bolehkah ia mempunyai kesempatan untuk mengira? Bagaimana menasabah boleh seseorang mencapai! Adakah kesemua ini secara kebetulan sahaja?


Setakat ini kita belum lagi menyentuh matematik sebenar yang menakjubkan dari Muhammad. Kitab beliau (?) – Al-Qur’an adalah sebuah Kitab yang ganjil dari banyak segi. Sebagai seorang biasa, saya boleh memberi sedozen perkara yang pelik-pelik dari Kitab Tuhan ini. Yang bijak pandai mungkin dapat memberi lebih. Oleh kerana kita menghuraikannya melalui sudut *matematik*, marilah kita memperluaskannya dalam bidang di bawah ilmu ini.

Al-Qur’an adalah Kitab yang tunggal di atas muka bumi ini yang mempunyai di beberapa bab “Initial” atau “Huruf Kod” atau sebagaimana yang disebut dalam bahasa Arab “*Muqattaat*” – bermakna padatan perkataan. Initial-initial atau Huruf-huruf Kod ini nampaknya tidak mengandungi apa-apa makna yang nyata.

Dari sejumlah 28 huruf dalam abjad huruf Arab, separuhnya mempunyai hubungan yang tepat dengan initial-initial Al-Qur’an ini. (Sila lihat Rajah 11, Muka 39). 14 huruf ini dijadikan kepada 14 gabungan huruf yang tidak sama. (Sila lihat Rajah 12, Muka 40). 14 gabungan huruf ini diulang dalam Al-Qur’an pada 29 Bab. (Sila lihat Rajah 13, Muka 41). Sekiranya kita campurkan 14 “Initial-initial” ini dengan 14 “Gabungan Huruf” kepada 29 “*Surah*”, kita akan memperolehi jumlah sebanyak 57 yang terdapat boleh dibahagi tepat dengan 19 ($19 \times 3 = 57$). (Sila lihat Rajah 14, Muka 42). Bagaimana perkara ini berlaku? Secara kebetulan lagi? Cukuplah!

Jika kita melihat kembali kepada Rajah 12, Muka 40, kita akan melihat dengan nyata bahawa 14 Gabungan Huruf yang berlainan ini mengandungi satu, dua, tiga, empat dan lima huruf bagi tiap-tiap satu. Mengambil satu *Surah* yang mengandungi “satu” huruf untuk diperiksa, pilihan kita akan tentu mudah terjatuh kepada *Surah* 68 yang mana adalah *Surah* terakhir mengikut susunan pembilangan cara asli yang mengandungi satu “Initial” walaupun ia adalah *Surah* pertama yang “Berinitial” disampaikan kepada

Muhammad. Ia mengandungi huruf  atau “N” di permulaan *Surah Al-Qalam*. Untuk sebahagian dari huraian cerdik pandai mengenai Initial Al-Qur’an ini, sila lihat penerangan-penerangan selari dari Abdullah Yusuf Ali, Nota bil. 5592. Tetapi oleh kerana kita telah terjumpa angka “19” sebagai kunci yang mudah dalam mencari sifat dasar

mukjizat Al-Qur’an, mengapa tidak cuba dan membilang huruf  “N” yang sebenarnya adalah huruf pertama Bab 68. Jawapannya ialah $133 \div 19 = 7$. Bahagikan dengan 19. Alat pengira akan memudahkan. Jawapannya adalah $7! \times 19 = 133$. (Sila lihat Rajah

15, Muka 43). Tetapi jangan ambil kata-kata saya saja, anda bilanglah tiap-tiap **ن** yang dijumpai dengan menggunakan penglihatan anda sendiri. Anda akan merasa kegembiraan rohani dalam membuat sedemikian! Ia tidak akan mengambil masa 5 minit.

Bagaimanakah telah terjadi bahawa 133 **ن** adalah sekali lagi angka yang boleh dibahagikan dengan 19? Saya tidak akan menyusahkan anda dengan jawapannya.

Sebagaimana yang anda akan perhatikan dari Rajah 13, Muka 41 bahawa ada 2 Surah lagi yang mempunyai "satu" Initial terletak di dalamnya. Ini adalah *Surah Qaf* No. 50 dan *Surah Sad* No. 38. Selanjutnya, ada 2 Surah mempunyai **ق** Qaf sebagai kelipatan

AL-MUQATTAAT

PADATAN PERKATAAN ATAU
"INITIAL-INITIAL" AL-QUR'AN

ا	ب	ت	ث	ج
ح	خ	د	ذ	ر
ز	س	ش	ص	ض
ط	ظ	ع	ع	ف
ق	ك	ل	م	ن
	و	ه	ي	

14 HURUF

ا	ل	م	ر	ك
ه	ي	ع	ص	ط
س	ق	ن	ح	

TEPAT SEPARUH DARI ABJAD HURUF ARAB
BERKAITAN

Rajah 11

14 HURUF

ا	ل	م	ر	ك
ه	ي	ع	ص	ط
س	ق	ن	ح	

MEREKA TERJADI DALAM 14 GABUNGAN HURUF
ATAU HURUF-HURUF YANG BERLAINAN

الْمَدْرُ الذِّمَّةُ حَمَّ الْمَدْرُ


ظَسَّ ظَسَمَ يَسَّ

كَفَيْصَ التَّمَصَّ صَبَّ

قِي حَمَّ عَسَقَ حَيَّ ظَهَّ

Rajah 12

DIULANG PADA 29 SURAH



Rajah 13

ا	ل	م	ر	ك
هـ	ي	ع	ص	ط
س	ق	ن	ح	

14 HURUF

اَلْمَر	اَلرَّ	حَمَ	اَلْمَ
نَ	يَسَ	طَسَمَ	طَسَ
صَ	اَلْمَصَ	كَمِيَعَصَ	
ظَهَ	عَسَقَ	قَ	

14 GABUNGAN

2	3	7	10	11	12	13	14
15	19	20	26	27	28	29	30
31	32	36	38	40	41	42	43
44	45	46	50	68	.	.	.

29 SURAH
57 = (19 x 3)
==

Surah 74, Ayat 30

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرَ ط

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN
BELAS

Rajah 14

Surah 68

Al-Qalam (Pena) atau Nun

Dengan nama Tuhan Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Mengasihani

سورۃ ۲۸
سُورَةُ الْقَلَمِ مَكِّيَّةٌ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. NUN: DEMI PENA DAN APA YANG
(MANUSIA) TULIS, –

۱- ن وَالْقَلَمِ
وَمَا يَسْطُرُونَ ۝

2. ENKAU BUKANLAH, DENGAN SE-
BAB NIKMAT PEMBERIAN TUHAN-
MU, GILA ATAU DIRASUK.

۲- مَا أَنْتَ بِنِعْمَةٍ مِنْ رَبِّكَ
بِجُنُونٍ ۝

3. TIDAK, SESUNGGUHNYA UNTUKMU
ADALAH PAHALA YANG AMAT
BESAR DAN TIDAK TERPUTUS-
PUTUS:

۳- وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ۝

4. DAN SESUNGGUHNYA ENKAU
(BERDIRI) DI ATAS KEDUDUKAN
AKHLAK YANG SANGAT MULIA.

۴- وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۝

133



= 19 × 7

DI ATASNYA ADALAH
SEMBILAN BELAS

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ۝

Al-Qur'an: Surah 74, Ayat 30

huruf yang sama dalam Surah 50 dan 42. Surah No. 50 bermula dengan **ق** dan tajuknya adalah "Qaf." (Sila lihat Rajah 16, Muka 45). Sila juga lihat Rajah 17, Muka 46 di mana *Surah As-Shura* (Bab 42) mengandungi 5 huruf gabungan diakhiri dengan Qaf.

Sekiranya kita campurkan kesemua **ح** "Ha" dan **م** "Mim" dan juga

ع "Ain" dan **س** "Sin" dan juga **ق** "Qaf" ini, kita akan memperolehi jumlah penuh 579 (19x30). Pengarang kita sekali lagi adalah tepat! Semakin lama mula

menjadi lebih berat! Marilah kita tumpukan kepada huruf – **ق**, kelipatan yang sama antara Surah 42 dan 50. Mengapa cuba menunggang lima kuda serentak seperti di circus sedangkan kita tidak cekap untuk mengawal satu?

Anda akan memerhatikan bahawa kita di sini menggunakan hanya bukti yang nyata di mana mana-mana manusia mempunyai mata yang boleh melihat dan kebolehan mengira dapat mengesahkannya. Ia boleh meneliti MUKJIZAT ini dengan sendiri dan mengesahkan bahawa Kitab ini *tidak* dikarang oleh manusia. Anda tidak perlu mengetahui Bahasa Arab untuk menyaksi bukti yang mengkagumkan ini. Tiada teka-meneka atau

mengagak atau pentafsiran apa jenis jua terlibat. Hanya cari **ق**, satu "kepala dengan 2 titik." Bilangkan kepala-kepala ini! Surah 50 mempunyai 57 (19x3) "kepala-kepala" seumpama ini. Dan Surah 42 mempunyai lagi sekali 57 (19x3) "kepala-kepala" seumpama ini. Adakah perkara ini mungkin berpunca dari akal manusia atau alat-alat yang direka oleh manusia? Kita akan menanya komputer kemudian nanti.

Di antara kedua-dua Surah di atas yang mengandungi **ق** Qaf, jumlahnya adalah 114 **ق** iaitu 19x6. Adalah andaian yang wajar bahawa **ق** Qaf menggambarkan kod bagi Qur'an, sama seperti "Q" adalah untuk Qur'an, dan terdapat

114 **ق** Qaf atau "Q" sebagai angka yang tepat bagi bilangan Surah dalam Al-Qur'an, satu bagi tiap-tiap satu dan tiap-tiap satu bagi kesemua! Dalam lain perkataan Pengarang memberitahu kita bahawa tiap-tiap satu Bab ialah Al-Qur'an, kesemuanya Al-Qur'an dan tiada selain dari Al-Qur'an.

Hanya akan mengambil beberapa minit sahaja untuk anda menghitung Qaf-qaf ini dalam tiap-tiap Surah. Anda akan mengalami dengan sebenarnya hal mukjizat Al-Qur'an ini. Kepada orang-orang yang Hafiz – mereka yang hafal Al-Qur'an, saya katakan kepada

mereka, anda mesti menatap **ق** Qaf-qaf ini dari ingatan akal anda dan perhatikan samada anda boleh mencapai jumlah yang tepat ini. Jika anda menemui kegagalan demi kegagalan, sesudah itu bilangkannya satu persatu dengan melihat Al-Qur'an. Selepas itu anda akan sedar betapa susahnyanya perbuatan ini. Sekiranya Nabi kita membuat hitungan dan kiraan ini, beliau perlu membuatnya dalam akal fikirannya oleh kerana beliau tidak tahu membaca atau menulis (Al-Qur'an: Surah 7, Ayat 157).

Orang yang sangat bijaksanapun akan menemui beberapa kesukaran dalam mencapai tugas ini. Tidak bagi Pengarang

<p>Surah 50 Qaf Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani</p>	<p>سوره ٥٠ سُورَةُ قَافٍ تَكْوِيْنًا بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ</p>
<p>1. QAF: DEMI QUR'AN YANG MULIA (ENGAU ADALAH UTUSAN TUHAN)</p>	<p>اق قاف وَالْقُرْآنِ الْمَجِيْدِ ۝</p>
<p>2. TETAPI MEREKA MERASA HAIRAN</p>	<p>٢- بَلْ عَجِبُوْا</p>
<p>3. BAHAWA TELAH DATANG KEPADA MEREKA</p>	<p>اَنْ جَاءَهُمْ</p>
<p>PEMBERI PERINGATAN DAN AMARAN DARI KALANGAN MEREKA SENDIRI.</p>	<p>مُنذِرًا مِّنْهُمْ</p>
<p>LALU ORANG-ORANG KAFIR ITU BERKATA:</p>	<p>لَقَالَ الْكٰفِرُوْنَ</p>
<p>“INI ADALAH SATU PERKARA YANG MENAKJUBKAN! Surah 50, Ayat 1–2</p>	<p>هٰذَا شَيْءٌ عَجِيْبٌ ۝</p>
<p>Hanya bilangkan ق Qaf-qaf di Surah ق “Qaf” Bab 50.</p> <p>Anda tidak perlu mengetahui Bahasa Arab untuk berbuat demikian</p> <p>Perkara ini adalah mudah – satu kepada mempunyai 2 titik – و bolehkah anda mengenalnya?</p> <p>قَالَ لَقَالَ الْقُرْآنِ قُلْ</p>	

Surah 42

Asy-Syura (Mesyuarat)

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

سوره ٤٢
سُورَةُ الشُّرَىٰ مَكِّيَّةٌ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

- 1. HA-MIM;
- 2. AIN, SIN, QAF.

حَمَّ عَسَقَ ○

- 3. BEGINILAH DIKIRIMKAN (OLEHNYA) WAHYU KEPADAMU

كَذٰلِكَ يُوْحٰى اِلَيْكَ

SEPERTI (YANG DI-TURUNKAN) KEPADA MEREKA YANG TERDAHULU DARIPADAMU, –

وَ اِلَى الَّذِیْنَ مِنْ قَبْلِكَ

OLEH TUHAN YANG MAHA KUASA LAGI MAHA BIJAKSANA.

اللّٰهُ الْعَزِیْزُ الْحَكِیْمُ ○

Perhatikan bahawa Surah 42 ini –

حَمَّ عَسَقَ

dan Surah 50 – ق mempunyai

ق

mempunyai

ق

sebagai kelipatan

huruf yang sama.

Ada 57 (19x3) ق pada Surah 50

Begitu juga 57 (19x3) ق pada Surah ini

Yang demikian 114 (19x6) ق pada kedua-dua

Surah yang mengandungi ق ini.

Adalah boleh dianggap dan masuk di akal bahawa ق atau “Q” adalah untuk Qur’an.

Untuk tiap-tiap satu bagi tiap-tiap 114 Bab dalam Al-Qur’an

yang sebenar, tetapi sebelum sesiapa membuat kesimpulan perkara ini adalah "SECARA KEBETULAN" yang amat luar biasa atau bahawa beberapa "KOMPUTER" yang berjiwa telah membuatnya, ia telah *melencong* untuk kita menyakini bahawa Akal yang lebih sempurna dari akal manusia telah melibatkan diri dalam usaha membuat perkara ini. Dengan membuat andaian bahawa apabila Pengarang kita menyempurnakan 2 Surah yang mengandungi Qaf-qaf itu dalam akalnya (jika Muhammad telah membuatnya), ia sudah pasti dikehendaki menghitung kesemua ق Qaf-qaf dan dibahagikan dengan 19, dan sekiranya ia memperolehi jumlah yang tepat, sesudah itu barulah tepat baginya untuk menyampaikannya kepada pencatit-pencatitnya. Setelah disampaikan, ia tidak boleh menarik balik. Ini adalah amalannya.

Kita katakanlah bahawa Muhammad (?) secara luar biasa telah berjaya pada Surah 42 dengan 57 (19x3) ق Qaf-qafnya tetapi apabila ia mengira huruf-huruf ini dalam Surah 50 dengan hairannya terdapat 58; dan 58 tidak tepat boleh dibahagikan dengan 19. Ia perlu, samada menambah beberapa ayat lagi untuk memperolehi 18 lagi ق Qaf-qaf untuk mendapatkan angka yang boleh dibahagikan dengan 19, atau buang 1 ق Qaf. Membuang 1 huruf adalah lebih mudah tetapi yang mana satu?

Ia bermula dari permulaan Surah ق Qaf. Adalah menjadi sangat mudah sekali untuk ق Qaf yang pertama dibuang, dan masalahnya akan selesai. Tetapi, Tidak! Ini merupakan kunci di raja dalam kesemua sistem ini untuk memberitahu kita bahawa kita pasti menghitung "Initial" Al-Qur'an ini sesudah itu bahagikannya dengan 19 dan memerlihat Ahli Matematik Yang Maha Agung menjalankan urusannya. Selama empat-belas abad yang lampau, sekiranya *salah satu dari Surah-surah* kehilangan diri 14, bilangan Surah tidak akan boleh dibahagi dengan 19 Tidak, sekiranya *salah satu* dari 14 huruf dalam abjad huruf Arab telah ditambah, dibuang atau dicemar, dengan ini, sekali lagi sistem penguncian matematik yang teragung ini akan jatuh binasa, dan Al-Qur'an juga akan sama menyerupai Kitab-kitab Ugama yang lain di muka bumi ini untuk diminta DISEMAK SEMULA. Pengarang yang sebenar telah menyempurnakan janjinya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ

SESUNGGUHNYA, KAMI TELAH MENURUNKAN PERUTUSAN INI:

وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ○

DAN KAMILAH YANG TENTU AKAN MEMELIHARANYA
(DARI KECEMARAN).

(Al-Qur'an: Surah 15, Ayat 19)

Dengan secara langsung, kira-kira separuh dari Al-Qur'an bersangkut paut dengan sistem matematik yang sangat sukar dalam 29 Surah yang "Berinitial" sepertimana anda lihat di Rajah 13, muka 41. Dengan tidak secara langsung, Kitab Tuhan ini terpelihara.

Anda ingat 2698 perkataan الله "Allah" dalam Al-Qur'an? Purata atas 1 perkataan

الله "Allah" bagi tiap-tiap 2½ ayat, dan jika satu ayat ditambah atau dibuang walaupun Dengan Nama Allah, system pemeliharaan Allah ini akan terus termusnah.

BAB 8

MUKJIZAT MATEMATIK

Adakah menasabah bahawa cara yang sangat sukar untuk melindungi dan memelihara Al-Qur'an ini mungkin timbul dari "fluke", "nasib", "accident" atau Secara Kebetulan? Bolehkah komputer yang tidak berjiwa, yang sendiri tidak sedar, mencipta mukjizat yang disebut "Suci dari segi Gaya, Kebijaksanaan dan Kebenaran" seperti pendapat Padri Bosworth-Smith? Pengarang Al-Qur'an telah pergi luar dari JalanNya untuk menunjukkan kepada kita bahawa KitabNya bukanlah satu "fluke", tetapi bahawa Akal yang mengetahui terlibat dalam pengeluarannya. Ia meninggalkan tanda-tandaNya, "cap jariNya," kunci untuk membuka rahsia bagi kita menyedari akan Kuasa TanganNya.

Jika mana-mana pengarang manusia telah menjalankan tugas yang luar biasa untuk mengarang satu Kitab seperti Al-Qur'an, tentu sekali ia sekurang-kurangnya ada beberapa keraguan dalam mencuba untuk mengatasi perkara yang mustahil ini. Tuhan Yang Maha Kuasa tentu dengan mudah akan mengatasi masalah-masalah ini samada benar atau sengaja dicipta dengan tidak menjadikan kita sebagai saksi kepada "usahaNya" yang tidak berkehendakkan usaha; tetapi Ia kehendakkan perhatian kita ditarik kepada tugasNya yang *Disedari*. Ia menunjukkan kepada kita bahawa sekiranya seorang manusia telah mengarang Al-Qur'an, dan sekiranya kesemua telah terlaksana dengan elok, ia masih

lagi akan ditinggalkan dengan kelebihan satu **ق** Qaf. Anda perhatikan bahawa sesudah menulis dua Surah yang menggandungi **ق** Qaf dan setelah menghitungnya, ia akan ditentang oleh 115 **ق** dan tidak 114 sepertimana yang kita telah

menjumpai sekarang. Jika Muhammad telah menjadi pengarangnya, tentulah lebih-lebih lagi bertambah sukar baginya, jika kita bayangkan perkara ini, untuk mula-mula mengarang dan menyusun Surah-surah dalam akalinya oleh sebab beliau tidak boleh membaca dan menulis. Sesudah “menulis” dalam akalinya, ia akan terpaksa mengingat kesemuanya. Cuba bayangkan, untuk mengingatkan perkataan yang tidak tertulis yang anda tidak pernah melihat atau dengan berkali-kali diulang kepada anda! Apabila Nabi kita telah bersedia untuk menyampaikan secara lisan mana-mana bahagian dari Al-Qur’an, beliau memanggil penulis-penulis beliau dan mula “membaca” seolah-olah beliau telah membaca dari sebuah buku (Al-Qur’an: Surah 29, Ayat 48); ternampak seolah-olah ayat-ayat itu telah dihafal.

Mari kita menganggap buat seketika waktu bersama-sama orang-orang yang meragukannya bahawa Muhammad (?) telah berjaya menyempurnakan tugas yang mustahil di atas dan seterusnya mencampurkan Qaf-qaf pada kedua-dua Surah yang mengandungi

ق Qaf dan jumlah yang diperolehi didapati 115; seterusnya ia dibahagikannya dengan 19 dan terdapat baki 1 yang perlu ia buang sebelum disampaikan. Adalah menjadi satu perkara yang sangat mudah di dunia ini untuk memadamkan ق Qaf yang pertama, tetapi oleh kerana sebab yang telah diberi, ia pasti menyimpannya. ق Qaf berikutnya berlaku sesudah itu dalam bentuk perkataan berikut:

وَالْقُرْآنِ الْمَجِيدِ

DENGAN QUR’AN YANG MULIA:

Ia mempunyai lebih dari tigapuluh perkataan bagi satu perkataan ini:

“Qur’an” dalam Al-Qur’an itu sendiri mempunyai Perkataan-perkataan lain seperti “Al-Kitab,” “Al-Furkan,” “Al-Burhan,” “Adz-Dzikir”, “At-Tanzil,” dll. dan kita tidak akan mengetahui apa yang Pengarang itu telah buat, tetapi ia mahu menekankan bahawa

ق Qaf adalah untuk Qur’an seperti “A” untuk “Anggur.” Terlebih-lebih lagi kesannya akan berkurangan. Pengarang kita adalah yang amat sempurna. Jadi ia akan meneruskan untuk menatapi satu ق untuk dibuang, dalam “akalnya”.

Di sekeliling Ayat 13, ia terdapat kumpulan terbesar huruf-huruf ق Qaf. Lima sebenarnya. Ia mesti buang salah satu dari ini. Marilah kita meneliti Rajah 18 di Muka

50 dan baca Ayat-ayat 12, 13 dan 14. Ada hanya 4 ق Qaf di sini. Benar, tetapi sepatutnya 5. “Adakah maksud anda bahawa Al-Qur’an itu telah diubah?” Anda bertaunya. “Tidak” kata saya. “Dengan itu, bagaimana pula dengan kata-kata anda yang bertentangan?” Anda perhatikan, Pengarang ini – Tuhan atau Muhammad – berkehendak

kan 5 ق Qaf di antara 3 ayat-ayat ini. Kunci rahsianya adalah di Ayat 13. Sila

lihat pada perkataan dalam bulatan إخوان لوط “Ikhwan Lut” (saudara-mara Lut).

Mengapa قَوْمُ لُوطٍ "Qawmu Lut"? Oleh kerana Pengarang ini telah dengan terus-

terusan menggambarkan kaum Lut sebagai قَوْمُ لُوطٍ "Qawmu Lut," 12 kali di seluruh Al-Qur'an di beberapa tempat. Mengapa patut Pengarang ini yang tidak berubah pada gambarannya mengenai kaum terkutuk ini yang termusnah oleh sebab nafsu keji mereka, menggambarkan mereka buat kali "ketiga belas" di ayat

"ketiga belas" sebagai إِخْوَانَ لُوطٍ "Ikhwano Lut" (saudara-mara Lut). Pengarang yang boleh memberi anda 3 perkataan yang sama makna di antara 2 ayat seperti Ayat 12 dan 13 untuk menceritakan "sekumpulan manusia," dan masih memberi gambaran "kumpulan

قَوْمُ لُوطٍ قَوْمُ لُوطٍ	
Diulang 12 kali dalam Al-Qur'an Tanpa Perubahan Perhatikan sekarang perubahan yang tunggal di ayat 13	
○ كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ وَاصحابُ الدِّينِ وَشَمُودُ	
○ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ وَإِخْوَانَ لُوطٍ	
○ وَاصحابُ الْاَيُّكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ	
كُلُّ كَذَّبَ الرُّسُلَ فَحَقَّ وَعِيدِ	
○ وَإِخْوَانَ لُوطٍ	Al-Qur'an: Surah 50 Ayat 12-14

Rajah 18

manusia” dengan tidak memerlukan katasifat, adalah yang sama Yang kuat memegang kepada perkataan yang tidak berubah

قَوْمُ لُوطٍ “Qawmu Lut.”

Mana-mana pembaca yang mempunyai penuh perhatian akan dapat melihat pertukaran formula dalam ayat 13. Mana-mana pengarang manusia yang mengetahui keindahan kegunaan kata-kata seerti dan tetapi masih bulat hati buat sedozen kali, tentu

pada lazimnya akan mengulang قَوْمُ لُوطٍ “Qawmu Lut” dengan mendapatkan 13.

Dengan yang demikian 58 ق Qaf dalam Surah ق “Qaf” dan 58 tidak boleh dibahagi dengan 19. Tidakkah Ia mengatakan – ‘Aku akan mempersoalkan kamu dengan 19?’

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرًا

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

Hanya ada satu Surah sahaja lagi yang mempunyai satu “Initial” kepadanya dan ini adalah Surah Sad, Bab yang ke 38 dalam Al-Qur’an. Sila lihat bahawa serupa dengan

Surah 50 dan 68 di mana initial ق “Qaf” dan ن “Nan” kedua-duanya

tidak pernah diterjemah, begitu juga ص Sad dalam Surah 38. Tiada penterjemah berani memberi apa-apa makna terhadapnya. Pentafsiran, ia; penterjemahan, tidak! Dengan Rahmat Tuhan, kita perhatikan hari ini, penyusunan matematik Tuhan sendiri untuk menjamin kata-kataNya dari pencemaran. Sistem yang sangat mudah dan senang untuk disahkan – di mana walaupun kanak-kanak boleh mengikutinya. Tetapi bagaimanakah manasabah pentafsir-pentafsir kita yang terkemuka – yang lampau dan yang baru – telah terlepas penglihatan perkara-perkara yang terang dan kenyataan yang tidak boleh dinafikan? Jawapannya adalah mudah – ‘Masanya Belum Sampai.’ Bukan masanya!

Selain dari Bab 38, dua Surah yang lain mendapat kelipatan yang sama iaitu ص Sad. Ini adalah Surah 7 dan 19. Sila lihat Rajah 19, Muka 52. Di mana terjadi lebih dari satu huruf dalam gabungan “Initial” ini, kita pasti mengira kesemua dan patut mendapat angka yang boleh dibahagikan dengan 19, tetapi di sini kita akan menumpukan perhatian

hanya kepada ص Sad, kelipatan yang sama di antara 3 Surah ini. Jumlahnya adalah 152 Sad. Tepat boleh dibahagikan dengan 19 (19x8)!

Tetapi izinkan saya mengingatkan anda bahawa Pengarang kita tidak mementingkan hanya huruf satu-satu seperti di atas. Sila perhatikan bahawa dalam Surah 7, empat huruf terlibat dan di Surah 19, lima huruf. Bersama dengan Surah 38 dalam kumpulan huruf-huruf ini, “Ia membuat perkiraan atas 10 huruf.”

ص

Surah 7

Al-A'raaf (Yang Tinggi)

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

1. ALIF, LAM, MIM, SAD.

سورة ٧
سُورَةُ الْأَعْرَافِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١- اَلْمَثَّصَّ

Surah 19

Maryam

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

1. KAF, HA, YA, AIN, SAD.

سورة ١٩
سُورَةُ مَرْيَمَ مَكِّيَّةٌ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١- كَهَيْعَصَّ

Surah 38

Sad (salah satu dari huruf padat)

Dengan nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

1. SAD:

سورة ٣٨
سُورَةُ صَّ يَكِّيَّةٌ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

١. صَّ

BERAPA BANYAK?	KELIPATAN HURUF YANG SAMA	"INITIAL"	SURAH
98	ص	اَلْمَثَّصَّ	7
26	ص	كَهَيْعَصَّ	19
28	ص	صَّ	38

19)152
8

(19 x 8 = 152)

74:30

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرَةَ

DI ATASNYA ADALAH SEMBILAN BELAS

Bilangkan mereka atau gunakan komputer, tidak ada kesudahan kepada perkara yang ajaib ini. Adakah ini jawapan kepada doa Muhammad? Beliau sentiasa memohon kepada Tuhannya. *“Ya Allah! Tambahkanlah aku dalam ilmu! Ya Allah! Perluaskanlah Kefahamanku! Ya Allah! Tambahkanlah aku dengan perasaan yang mengagumkan!”*

Pada Surah 7 – **التَّيْمِ** “Alif, Lam, Mim, Sad,” mempunyai 2572 ا

Alif, 1528 ل Lam, 1165 م Mim dan 98 ص Sad sekira dicampur memberi jumlah besar 5358 (19x282). Pada Surah 19 **كَهَيِّعَص**

“Kaf, Ha, Ya, ‘Ain, Sad.”

ك	“Kaf”	137
ه	“Ha”	168
ي	“Ya”	345
ع	“‘Ain”	122
ص	“Sad”	26

$$= 798 (19 \times 42)$$

Pada Surah pertama dalam kumpulan yang dibincangkan ini, iaitu Bab 7, kita jumpa lagi satu kunci rahsia, tanda yang menceritakan atau “cap jari” Pengarang. Pada

Ayat 69 (Rajah 20, Muka 57), sila selidiki perkataan **بَصُطَةٌ** “Bastatan.”

Perhatikan bahawa ejaannya **ص ب ص ط ت** dengan **ص**

“Sad,” tetapi di atas **ص** “Sad” ada **س** “Sin” kecil untuk memberitahu

kita bahawa walaupun **ص** “Sad” ditulis, kita mesti menyebutkannya sebagai **س** “Sin.” Dalam bahasa Arab, seratus juta di antaranya dalam berbagai logat kedaerahan,

tiada perkataan – **بَصُطَةٌ** “Bastatan” dengan menggunakan “Sad”. Arab adalah bahasa menurut bunyi. Kita mengeja sebagaimana yang kita suarakan, tidak seperti bahasa Inggeris kita bunyikan ‘nife’ tetapi mengeja “knife,” atau ‘filosof’ tetapi mengejanya

“philosopher.” Dengan ini kenapa percanggahan ejaan dalam perkataan **بَصُطَةٌ** “Bastatan?”

Telah diceritakan bahawa semasa Nabi Muhammad menyampaikan Ayat 69 di atas,

apabila tiba ke perkataan **بَسْطَةَ** "Bastatan", beliau memberitahu pencatitnya bahawa Jibril berkata, ejakan

DAN KENANGKANLAH BAHAWA DIA MENJADIKAN KAMU PEWARIS SESUDAH

KAUM NUH, DAN MEMBERI KAMU KELEBIHAN KEDUDUKAN YANG TINGGI DI SELURUH NEGARA.

Al-Qur'an: Surah 7, Ayat 69

.... وَأَذْكُرُوا
إِذْ جَعَلْنَاكُمْ
خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ
وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ **بَسْطَةَ**

ب ص ط ت

بَسْطَةَ

DITULIS DENGAN
TETAPI DISEBUT

ص

DENGAN س

PERHATIKAN س TULISAN KECIL DI ATAS ص

IAITU ص

MENGAPA TULIS ص APABILA ANDA HENDAK
MENYEBUTKANNYA SEBAGAI س ?

TIDAKKAH PENCATIT TAHU MENULIS?

UNTUK JAWAPAN SILA LIHAT
AL-QUR'AN: SURAH 2, AYAT 247

perkataan itu **بَصُطَةٌ** "Bastatan" dengan menggunakan **ص** "Sad" dan begitulah ia selama 1400 tahun. Pertanyaan timbul, tidakkah pencatit-pencatit Muhammad mengetahui bagaimana hendak mengeja? Tentu sekali mereka tahu mengeja (Lihat Rajah 21, Muka 56) dan anda akan melihat pada Surah 2, Ayat 247 bahawa

perkataan **بَسْطَةٌ** "Bastatan" dieja dengan **س** "Sin." Jika mereka boleh mengejanya dengan betul di sini, mengapa berbeza pada Surah 7, Ayat 69? Baiklah,

maknanya tidak terjejas walaupun perkataan itu dieja dengan **س** "Sin" atau

ص "Sad." Ini adalah benar, serupa juga perkataan Inggeris "docile," samada dieja 'dosile' atau 'docile' maknanya masih serupa; 'circle' atau 'sircle' maknanya tidak berubah. Tetapi mengapa pula Jibril memberitahu mereka bagaimana perkataan itu dikehendaki dieja pada mulanya?

Sampai hampir lebih dari seribu tahun Al-Qur'an disalin dengan tangan, dan disampaikan dari bapak ke anak. Tiada alat cetak buat lebih dari seribu tahun sesudah Wahyu Al-Qur'an. Tiap-tiap cerdek pandai semasa menyalinnya dengan tangan, apabila

sampai ke Surah 2, Ayat 247, ia mengeja perkataan **بَسْطَةٌ** "Bastatan" secara otomatis; tiada usaha sama sekali dalam mengeja oleh kerana bahasa itu menurut bunyi. Tetapi apabila penyalin yang sama sampai ke Surah 7, Ayat 69, tiap-tiap seorang di antara mereka tentu bingung atas "kesilapan" (?) ejaan. Mungkin bapa atau atuknya tentu telah membuat kesilapan? Tidak! Ia tidak berani mengubah ejaan itu oleh kerana malaikat Tuhan telah menyampaikan demikian. Dan begitulah sampai sekarang. Tiada satu salinan pun di antara berjuta-juta yang ditulis dengan tangan mempunyai ejaan "terpinda." Jika ada seseorang "terlalu pandai" mengambil kesempatan untuk mem-

perbaiki kata-kata Tuhan, kita akan kekurangan **ص** 'SAD' pada Surah-

surah yang mengandungi initial 3 "Sad" meninggalkan kita dengan 151 **ص** "Sad" dan 151 tidak boleh dibahagi dengan 19.

Bagaimana anda tidak mahu menundukkan kepala anda dengan perasaan penuh kekaguman dan menyembah Pengarang seumpama ini. Yang Maha Kuasa, Maha Mengetahui, Yang Maha Wujud, Tuhan Semesta Alam Yang memberi kepada kita tanda demi tanda untuk mengenalNya? Sesungguhnya Dia telah menyempurnakan JanjiNya!

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ

SESUNGGUHNYA, KAMI TELAH MENURUNKAN PERUTUSAN INI:

وَأِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

DAN KAMILAH YANG TENTU AKAN MEMELIHARANYA
(DARI KECEMARAN).

(Al-Qur'an: Surah 15, Ayat 9)

IA BERKATA: "SESUNGGUHNYA ALLAH TELAH MEMILIHNYA DI ATAS KAMU, DAN TELAH MENGURNIAKANNYA KELEBIHAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEGAGAHAN TUBUH BADAN ..."

قال
 إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ
 وَزَادَهُ بَسْطَةً
 فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

Al-Qur'an: Surah 2, Ayat 247

بَسْطَةً

DIEJA SEDEMIKIAN:

ب	س	ط	ت
---	---	---	---

JADI PENCATIT TAHU MENGEJA!

PERKATAAN بَسْطَةً ATAU بَصْطَةً SAMADA DIEJA

MENGANDUNGI س ATAU ص MAKNANYA ADALAH SAMA IAITU – DIBERI, DIKURNIA, DISERAH ATAU DITERBIT

SEPERTI DALAM BAHASA INGGERIS "DOCILE" ATAU "DOSILE", "CIRCLE" ATAU "SIRCLE" MAKNANYA ADALAH SAMA.

TETAPI JIKA DI SURAH 7, AYAT 69

DENGAN SATU س INI TENTU ADA HANYA

ص 151

DENGAN YANG DEMIKIAN AMARAN

عَلَيْهَا سَعَةٌ عَشْرَةٌ

TIDAK AKAN TERCAPAI

Rajah 21

Tiap-tiap Bab dalam Al-Qur'an yang mengandung "initial-initial" ini termaktub dipermulaannya mengikut sama susunan yang menakjub dan mengkagumkan serta memberi ilham. Bilangkan berapa kali "initial-initial" ini terdapat pada Surah-surah berkenaan dan bahagikan jumlahnya dengan 19, dan dengan tidak terkecuali satupun, jawapannya sentiasa boleh dibahagikan dengan 19! Siapa yang mempunyai masa dan kebolehan untuk mereka sistem matematik yang tersangat sukar ini? Tentu sekali bukan Muhammad, seorang manusia yang amat sibuk dalam sejarah! Sekiranya orang-orang yang meragukannya masih berkehendakkan kita mempercayai bahawa Muhammad pasti ada beberapa komputer tersorok di dalam pasir di mana beliau telah programkan Al-Qur'annya berasaskan kepada matematik; saya bagi diri saya sendiri akan menerima "Teori Komputer" ini, dari Muhammad seorang biasa – daging dan darah dari segala segi telah mencipta sistem matematik yang sangat kompleks dan kunci mengunci untuk mengawasi dan memelihara "pengertiannya" dari dicemari.

Dalam buku ilmiah ini, saya sekadar hampir tidak menyentuh hujung "air batu apung" kepada pembukaan rahsia yang ajaib ini. Sebelum kita meninggalkan mukjizat matematik ini, izinkan saya sampaikan kepada anda rajah yang terakhir atas "Mugatta-aat," (Rajah 22, Muka 58) dikaitkan dengan Surah-surah yang bermula dengan gabungan

آل *"Alif, Lam, Min."* Hanya salinkan kepada sehelai kertas butir-butir yang disusun dan semak jumlah-jumlahnya. Biarkan pengiraan huruf dibuat oleh Komputer. Anda akan menyedari betapa besar tugas di luar kuasa manusia ini yang dikatakan dengan salah, dibuat oleh Muhammad.

ا *"Alif-alif"* dan ل *"Lam-lam"* dan م *"Mim-mim"* terkandung dalam kelapan-lapan Surah ini berjumlah dengan besarnya 26,676! Untuk menganggap bahawa Muhammad menyimpan pengiraan selama 23 tahun dan membahagikan jumlah yang besar ini dalam akalnya dan berpuas hati hanya apabila jawapannya menjadi 19×1404 , adalah mustahil boleh dipercayai. Tetapi yang lebih menghairankan adalah bahawa sesungguhnya beliau tidak memberitahu sesiapa pun mengenai kebolehan mengira yang mengkagumkan ini – tidak, walaupun kepada Abu Bakar sahabat karib dan temannya, dan tidak juga kepada isterinya yang dikasihi Aisyah Siddiqah (r.a). Beliau tidak menuntut apa-apa kepujian mengenainya sehingga hari wafatnya. Bolehkah anda memperhitungkan sebab-sebab beliau mendiam sediam-diamnya?

ا ل م

SURAH

3	AL-BAQARAH	2195	3204	4592	
3	AL-IMRAN	1251	1885	2578	
7	AL-A'RAAF	1165	1523	2572	
13	AR-RA'AD	260	479	625	
29	AL 'ANKABUT	347	554	784	
30	AR-RUM	318	396	545	
31	LUQMAN	177	298	348	
32	AS-SAJDAH	158	154	268	
		5871	8493	12312	A
				8493	L
				5871	M

$$19 \times 1404 = 26676$$

SURAH 74, AYAT 30 $\text{عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشْرَةَ}$ DI ATASNYA
ADALAH SEMBILAN BELAS

Rajuh 22

BAB 9

PENENTUAN DAN PENUNAIAN

Kita terpaksa menggulungkan dari bukti-bukti yang nyata ini bahawa tidak ada sorang manusia, walaupun kesemua insan dengan kesemua komputer-komputer mereka dan alat-alat pengira boleh menandingi Kitab Suci ini – Mukjizat Matematik – *Al-Qur'an*, "*Mukjizat teragung dari segala yang tercipta.*" Jika anda masih menyimpan apa-apa keraguan mengenai Ketuhanan Pengarangnya, mengapa tidak bertanya kepada Komputer?

Al-Qur'an telah dikomputerisekan. Sesudah "*secara kebetulan*" matematik yang sebelum ini diprogramkan ke dalam komputer, "electronic wizard" ini ditanya, APAKAH KEMUNGKINAN SESUATU BUKU DITULIS, DAN SECARA "KEMUNGKINAN" BERJAYA MEWUJUDKAN SISTEM KUNCI MENGUNCI INI BERASASKAN ANGKA 19? Jawapan komputer ialah – kemungkinan perkara ini berlaku adalah: "*Enam ratus dua puluh enam, tujuh kali juta kepada 1 atas berlakunya perkara ini!*" Untuk memudahkan penglihatan akan kemungkinan kejadian ini, marilah saya tuliskan angka ini. Ia adalah 626,000,000,000,000,000,000,000 kepada 1 (atas kemungkinan ianya berlaku).

Bukti-bukti baru sedang dijumpai atas asas matematik yang sama, dengan yang demikian tiada kemungkinan perkara ini berlaku secara kebetulan akan meningkat bertambah.

Banyaknya angka di atas adalah lebih kukuh dari kemungkinan nyawa berasal dari bumi oleh susunan-susunan "secara kebetulan," oleh "accident" sepertimana orang-orang yang engkar mahukan kita mempercayainya. Untuk nyawa membiak dan hidup di atas muka bumi kita ini, di bawah ini adalah sebahagian dari syarat-syarat kemungkinan untuk berlaku:

1. Bumi ini *mesti* bercuram di atas axisnya $23\frac{1}{2}$ rajah.
2. Putaran bumi ini *mesti dengan* kelajuan yang tertentu.
3. Jauhnya dari matahari *tidak boleh mesti* sedikit dekat atau sedikit jauh.
4. Bulan juga *mesti* terletak sejauh yang ada sekarang.
5. Campuran gas-gas mengelilingi kita *mesti* mengikut ratio yang sedia ada dll.

Kemungkinan tiap-tiap faktor yang perlu bagi kehidupan untuk wujud, tepat sepertimana yang kita dapati, dengan hanya kemungkinan adalah berkali ganda juta kepada 1 kejadian ini berlaku. Tetapi hanya satu sudut dari Mukjizat Al-Qur'an meletakkan kemungkinan-kemungkinan ini kepada tujuh kali juta! Kita masih perlu mencari cabang-cabang lain dari Kitab Tuhan yang Ajaib ini.

Apakah sepatutnya pendapat terakhir mengenai Al-Qur'an ini yang boleh memberi makna kepada kita kaum Muslimin? Bilangan kita, lebih kurang 900,000,000 di muka bumi ini sekarang, adalah sedikit. Kita sebenarnya adalah negara gred tiga sahaja. Dengan adanya "wang-minyak," walaupun jika digunakan secara membina untuk membangunkan semula Umat Islam, kita kaum Muslimin masih tidak akan dapat mengejar Rusia, China atau Amerika. Tiap-tiap satu langkah kita maju dalam bidang sains dan teknologi, dalam bidang "nuclear physics" dan siasah angkasa lepas, negara-negara gergasi yang disebut di atas akan maju sepuluh tapak di hadapan kita. Tidak mungkin bagi kita mengejar mereka. Tidak sepatutnya bagi orang Islam mempunyai sifat-sifat pesimis, ini adalah benar, tetapi kita perlu melihat kepada kenyataan.

Walaupun demikian, Allah telah berjanji kepada kita dalam Kitabnya Yang Maha Sempurna ini, bahawa Dia akan menjadikan "Din"Nya (bermakna JALAN HIDUP, pada kebiasaan diterjemah sebagai "ugama") untuk kekal mengatasi tiap-tiap jalan hidup selainnya.

هُوَ الَّذِي

DIALAH (TUHAN YANG MAHA KUASA) YANG

أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى

TELAH MENGUTUS UTUSANNYA DENGAN PETUNJUK

وَدِينِ الْحَقِّ

DAN UGAMA YANG BENAR,

لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ

SUPAYA IA MEMENANGKANNYA ATAS SEGALA UGAMA YANG LAIN,

وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

WALAUPUN ORANG-ORANG MUSYRIK TIDAK MENYUKAI(NYA).

(Al-Qur'an: Surah 61, Ayat 9)

Janji yang serupa diulang di Surah 48, Ayat 28 dengan perubahan pada akhirnya

وَكُفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ۗ

DAN CUKUPLAH TUHAN MENJADI SAKSI (TENTANG KEBENARAN BAHAWA DIA AKAN MENJADIKAN KAMI MENANG):

Bagaimanakah dapat janji-janji ini dipenuhi terhadap kita sedangkan kita menjadi bahan tertawa di dunia? Bagaimanakah kita akan menyakinkan orang-orang yang tidak mempunyai agama dan orang-orang yang murtad, orang-orang Kristian, Komunis dan yang lainnya sedangkan kita membuang kekayaan dan usaha-usaha kita ke dalam kegiatan-kegiatan palsu? Walaupun demikian, dengan keadaan kita yang sedih dan mengecewakan sekarang ini, *kita pasti berjaya!* Dia yang mempunyai segala Kuasa dalam Tangan-Nya akan menjalankan Mukjizat-Nya!

وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا

JANJI-JANJI TUHAN ADALAH BENAR,

(Al-Qur'an: Surah 4, Ayat 122)

Berulang-ulang telah ditunjukkan dalam sejarah bagaimana Tuhan menunaikan *perancangannya*. Ahli-ahli sejarah telah gagal dalam pengiraan kebangkitan mendadak orang-orang Arab – daripada kegelapan kepada keagungan – melalui Islam. Biarlah Thomas Carlyle menggambarkan peristiwa ini dengan caranya yang tersendiri yang tidak dapat ditiru: "*Segulungan kaum manusia penjaga kambing yang miskin, mengembara tidak kelihatan di padang-padang pasir sejak terciptanya bumi:*" (TIADA SEORANGPUN MELIHAT MEREKA BUAT KALI KEDUA – ISKANDAR ZURKARNAIN LALU DAN MENINGGALKAN MEREKA, ORANG-ORANG PARSIS LALU DAN MENINGGALKAN MEREKA, ORANG-ORANG ROM LALU DAN MENINGGALKAN MEREKA – MANUSIA SEBAGAI SAMPAH BUANGAN INI – KERUGIAN MUTLAK BAGI BAKAL PENAKLUK) "*Seorang Nabi-Pahlawan telah diturunkan kepada mereka dengan perkataan yang mereka boleh percaya: lihatlah, yang tidak dilihat menjadi perhatian dunia, yang kecil telah membesar menjadi keagungan dunia, dalam masa satu abad sesudah itu, negeri Arab berada di Granada di telapak tangan yang sebelah dan Delhi di telapan tangan yang sebelah lagi; – menjeling dengan keberanian dan bersinar dengan cahaya kebijaksanaan, negeri Arab telah memancar cahayanya melalui zaman ke zaman di atas sebahagian besar*

dunia ini ... Orang-orang Arab ini, seorang manusia Muhammad, dan satu abad itu, – tidakkah seolah-olah diibaratkan sebagai bara terjatuh, satu jentekan bara di atas dunia yang nampaknya pasir hitam tidak kelihatan dan terbuang; tetapi lihat! pasir itu terbukti debu letupan, menyala setinggi langit dari Delhi ke Granada!” Ini adalah kata-kata kritik yang baik, tetapi bandingkannya dengan kata-kata seorang Yahudi yang bisa kata-katanya yang, dalam menulis karangan mengenai sejarah perubatan, mempunyai galian ucapan yang tajam atas bangsa asal sama keturunan Semite – “*penunggang unta dan penjaga kambing menduduki atas tahta Kaisar.*” Perhatian yang benar diperkatakan dengan pedih! Di antara semua Semite – orang-orang Phonesia telah ke Europah sebagai *pedagang*, orang-orang Yahudi sebagai *orang-orang pelarian atau orang-orang tawanan*, hanya orang-orang Arab sahaja yang ke Europah sebagai *raja!*

Ini adalah apa yang Allah telah jadikan pada masa yang sudah-sudah dan Dia boleh dengan mudah membuat sedemikian lagi. Ingatlah orang-orang Mongol – bagaimana Islam telah menakluk penakluk Empire Islam? Sesudah penyerangan hebat dan ganas yang pertama, mereka menjadi hamba tanpa paksa kepada Islam, menjadi pertahanan dan tunjang ke atasnya untuk beberapa abad.

Sejarah melimpah dengan contoh-contoh Tangan Yang Maha Kuasa dari Tuhan Yang Maha Pengasih, menaikkan negara dari kegelapan yang abadi dan yang terhina kepada kedudukan yang tinggi mulia dengan sekclip mata. Lihatlah TanganNya Yang Maha Kuasa ini melaksanakan yang mustahil. Sekiranya “Din”Nya jatuh ke tangan-tangan negara-negara berkuasa kini, dengan senjata atom mereka dan kapal-kapal angkasalepas, dengan alat-alat pencetak yang terbesar dan kebolehan mentadbir, dan dengan kesemua sumber alam mereka; jika di dalam tangan-tangan mereka Dia membuat perancangannya untuk berjaya, tidaklah menghairankan. Tetapi jika untuk “yang telah tersungkhur jatuh dan kalah,” untuk orang-orang dari “tempat-tempat yang hina” untuk dijadikan “bola-sepak” bagi ditendang oleh sesiapa, untuk mereka menakluk yang gagah, sombong kaya di dunia ini, ia akan menjadi Mukjizat yang sebenar-benarnya!

Adalah menjadi hak istimewa kita dan hak kedaultan kita untuk memperjuangkan negara-negara di dunia ini, bukan dengan senjatapi dan letupan tetapi dengan senjata intelek. Secara intelek, Allah telah mendahulukan kita. Dia telah memberi kita cara hidup yang sempurna, dan kita tidak perlu meminta maaf bagi apa jua. Kita mempunyai jawapan-jawapan dalam Islam kepada tiap-tiap masalah insan. Pertamanya, dapatkan penerimaan intelek dari orang-orang yang tidak percaya, seluruhnya akan mengikutinya sebagai malam mengekori siang. Buktikan kepada penentang-penentang kita bahawa Al-Qur’an itu *sesungguhnya kata-kata Tuhan*. Tunjukkan susunan Mukjizatnya yang mana hanya Yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui sahaja yang dapat mengeluarkannya. Adalah menjadi kewajipan kita menjemput orang-orang yang tidak percaya kepada Islam dengan Al-Qur’an di tangan yang sebelah dan logik di tangan yang sebelah lagi; marilah kita maju ke hadapan untuk menakluk hati, jiwa dan akal-akal maknusia!

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ

SERULAH (KEPADA SEMUA) KE JALAN TUHANMU

DENGAN HIKMAT KEBIJAKSANAAN; ...

(Al-Qur'an: Surah 16, Ayat 125)

Dan kebijaksanaan meminta kita bercakap kepada orang-orang mengikut latar-belakang akal dan pengalaman mereka. Kini kita hidup di "Zaman Komputer." Tanpa "binatang yang ajaib" ini, segala kemajuan kita akan terhenti. Kapal-kapal terbang kita, bank-bank kita dan talipun-talipun kita akan menjadi tak berguna tanpa hamba abdi ini yang telah menjadi tuan. Jika talipun di Amerika dihenti menggunakan komputer buat sekadar sehari sahaja, tiap-tiap perempuan dari umur 18 hingga ke 45 tahun akan terpaksa diambil kerja untuk menjalankan satu perkhidmatan ini sahaja dan alat-alat menggunakan tangan tiada lagi!

Tiap-tiap orang samada ia telah melihat komputer atau belum, telah mendengar mengenai ajaibnya dan kagumnya mesyini ini dan kehidupannya bergantung kepadanya. Dan, yang menghairankan, ia sentiasa memberi anda jawapan yang betul samada dimiliki oleh orang-orang Kristian atau orang-orang Komunis. Jika anda menanya komputer, walaupun telah tetap dalam pendirian anda – "Apakah satu campur satu campur satu? Jawapan yang tidak silap adalah sentiasa "tiga". Jika anda menanya komputer milikan seorang Katholik, "Tuhan Bapak, Tuhan Anak, Tuhan Roh Suci – berapa Tuhan kesemuanya? Ia akan cepat menjawab "TIGA" tanpa merah-merah muka. Ia tidak mempunyai apa-apa perasaan atau perasaan belas kasihan untuk pemiliknya yang berkehendakan mendengar "SATU".

Bercakaplah kepada negara-negara yang terpelajar di muka bumi ini dalam bahasa yang mereka boleh sedia faham, bahasa "sains tepat" – matematik. Tunjukkan kepada mereka perkara yang menakjubkan ini mengenai sistem kunci mengunci matematik terdapat dalam Al-Qur'an di mana PengarangNya – Tuhan Yang Maha Kuasa – telah memelihara *KitabNya* dari segala pencemaran manusia dan mencabarnya dengan cabaran Pengarangnya.

قُلْ لِّئِنْ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ

KATAKANLAH: "JIKA SEKELIAN MANUSIA DAN JIN
BERHIMPUN BERSAMA

عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا

UNTUK MEMBUAT

بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ

SERUPA DENGAN QUR'AN INI,

لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ

MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MEMBUAT SEPERTI
DENGANNYA,

WALAUPUN MEREKA BANTU MEMBANTU SESAMA SENDIRI.”

(Al-Qur'an: Surah 17, Ayat 88)

Dengan terjumpanya perkara yang baru dalam Al-Qur'an ini, kita akan dapat mencapai lima kesan berikut:

1. Ia akan mewujudkan kecemasan besar dalam hati penentang Islam.
2. Ia akan menyakinkan Yahudi-yahudi dan Kristian-kristian yang ikhlas, orang-orang seperti Jules Masserman dan Michael H. Hart yang memegang perasaan baik terhadap Islam, bahawa sumber Wahyu Muhammad adalah dari Tuhan Maha Kuasa dan Al-Qur'an adalah "*Kata-kata Tuhan Yang Sebenar-benarnya*" dan ianya amat terpelihara.
3. Ia akan menambah dan mengukuhkan iman-iman kaum-kaum Muslimin yang telah percaya bahawa Al-Qur'an adalah Kata-kata Allah.
4. Ia akan menghapuskan segala keraguan dari hati-hati kaum Muslimin dan penganut-penganut yang ikhlas dari Kaum Kitabi.
5. Dan pada akhirnya, ia akan mendedahkan orang-orang yang taksub dan orang-orang "Munafik" sebagai pelampau yang rugi bahawa perjalanan jahat mereka akan berakhir ke Neraka yang Tuhan Maha Kuasa telah menyediakannya untuk orang-orang yang dengan sengaja menolak Pimpinannya.

Sebagai akhir kata, adalah permintaan doa saya agar Allah mencurahkan berkatNya yang terpilih ke atas Nabi Muhammad (Agar segala kesejahteraan dikurniakan kepadanya) dan mengilhamkan semua orang-orang Islam supaya menjadi layak menerima Belas-kasihannya dan PenghargaanNya diletakkan ke atas semua yang berkhidmat kepadanya dengan kesyukuran ...

Amin

وَسَيَجْزِي

DAN TUHAN AKAN MEMBERI BALASAN UNTUNG

○ اللهُ الشَّكْرُ

KEPADA MEREKA (YANG BERKHIDMAT KEPADANYA)
DENGAN KESYUKURAN.

(Al-Qur'an: Surah 3, Ayat 144)

Risalah-risalah berikut boleh diperolehi dengan PERCUMA:

1. Wahyu Ilahi
2. Mutiara Hadith
3. Al-Qur'an, Mukjizat Teragung
4. Islam Pilihanku
5. Panduan Kepada Islam

Sila hubungi

Pusat Penyebaran Islam
4, Jalan Batu Geliga Satu,
Taman Melewar,
Kuala Lumpur,
Malaysia.